

# MENG- aktifkan RAKYAT Malay- SIA:

MENGAKTIFKAN  
RAKYAT MALAYSIA:  
TOOLKIT  
LAKUKAN-SENDIRI



Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk atau dimasukkan dalam sistem yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta, dengan menghantar permohonan kepada penerbit buku ini.

LoyerBurok®, peranti LordBobo®,  
peranti UndiMsia™ dan peranti UndiMsia!™  
ialah cap dagangan milik Liberal Banter Sdn Bhd

### **Mengaktifkan Rakyat Malaysia: Toolkit Lakukan-sendiri**

Edisi Pertama Bahasa Inggeris (2012). Cetakan (2013).  
Edisi Bahasa Malaysia (2022)

Diterbitkan di Malaysia pada 2022 oleh  
Penerbit LoyerBurok (LoyerBaca), divisyen kepada  
**Liberal Banter Sdn Bhd** 00601003755 (723502-K)  
A-3-8, Pantai Business Park  
Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur  
w: [www.LoyerBurok.com](http://www.LoyerBurok.com)  
e: [loyarbaca@loyarburok.com](mailto:loyarbaca@loyarburok.com)

Dicetak dan dijilidkan di Malaysia oleh  
Print Expert Sdn. Bhd.  
A-1-8, Pantai Business Park  
Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur

Rekaan dan susunan oleh  
Arthur Lee

Perpustakaan Negara Malaysia  
Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

### **Mengaktifkan Rakyat Malaysia: Toolkit Lakukan-sendiri**

**ISBN 978-967-0102-07-8**

- 1. Pekerja Sosial – Malaysia**
  - 2. Belia – Aspek Sosial**
  - 3. Pergerakan Sosial – Malaysia**
- I. Mengaktifkan Rakyat Malaysia:  
Toolkit Lakukan-sendiri

**322.4**

*Untuk tujuan penyampaian maklumat sahaja.  
Tidak boleh dianggap sebagai nasihat guaman.*

**Khusus untuk rakyat Malaysia  
yang percaya - atau bakal  
percaya - bahawa kita  
PERLU mengambil alih  
kehidupan *dan komuniti* sendiri  
dengan **aktivisme** lakukan-sendiri  
jika KITA mahu meningkatkan DAN  
memperbaiki keadaan  
rakyat dan negara kita.**

Bergerak bersama kami!

MENGAKTIFKAN  
**RAKYAT**  
MALAYSIA:  
**TOOLKIT**  
LAKUKAN-SENDIRI



# KAN DUNGAN

|   |    |
|---|----|
| Prakata .....   | 5  |
| Penghargaan .....   | 11 |
| Glosari .....   | 14 |
| <br>  |    |
| <b>BAB 1</b> Sejarah Ringkas: Bagaimana, Dan Mengapa? #LBrak .....                                      | 17 |
| <br>  |    |
| <b>BAB 2</b> Gerakan UndiMsia! .....  | 20 |
| – Tunjang Pertama: Maklumat   |    |
| – Tunjang Kedua: Proses   |    |
| – Tunjang Ketiga: Tindakan  |    |
| – Tunjang Keempat: Platform   |    |
| <br>  |    |
| <b>BAB 3</b> Aktivis Dalam Diri Anda: Rakyat, Reformis,<br>Ejen Perubahan Sosial dan Pemberontak .....  | 31 |
| <br>  |    |
| <b>BAB 4</b> Pesanan Untuk Aktivis Muda:<br>Membina Kempen/Gerakan Anda Sendiri .....                   | 39 |
| <br>  |    |
| <b>BAB 5</b> Sumber Untuk Bacaan Dan Tindakan Selanjutnya .....   | 54 |
| <br>  |    |
| <b>LAMPIRAN</b>   |    |
| <b>Lampiran A</b> .....   | 59 |
| 1. BERITA KILAT PENTING: LoyarBurok Bukan<br>Sekadar Blawg! Sertai Angkatan Mereka!<br>oleh Liam Hanlon |    |
| 2. LoyarBurok: Ejen Perubahan oleh Zain HD  |    |
| <br>  |    |
| <b>Lampiran B</b> .....   | 66 |
| Lembaran Fakta dan Soalan Lazim tentang UndiMsia!   |    |

|  |     |
|--|-----|
| <b>Lampiran C .....</b>  | 68  |
| #LaporanRakyat UndiMsia! dan CPPS  |     |
| <b>Lampiran D .....</b>  | 71  |
| #LaporanPengerak UndiMsia!   |     |
| <b>Lampiran E .....</b>  | 72  |
| #IdolaDemokrasi GameShop UndiMsia!   |     |
| <b>Lampiran F .....</b>  | 124 |
| #RecapVid: Panduan Video Imbasan Semula<br>oleh Pang Jo Fan  |     |
| <b>Lampiran G .....</b>  | 131 |
| #198Actions: 198 Kaedah Tindakan Tanpa Kekerasan<br>oleh Gene Sharp, <i>The Albert Einstein Institution</i>  |     |
| <b>Lampiran H .....</b>  | 137 |
| Spektrum Sekutu dan Lawan<br><a href="http://www.toolsforchange.net">www.toolsforchange.net</a> ( <i>diadaptasi oleh Fairley/Balkwill</i><br><i>dari 'Spectrum of Allies' in Training for Change oleh</i><br><i>George Lakey</i> ) |     |
| <b>Lampiran I .....</b>  | 138 |
| Peranan Fasilitator  |     |
| <b>Lampiran J .....</b>  | 142 |
| Menghormati Kepelbagai Budaya dan Jantina  |     |



# PRAKATA

## Mengapa Aktivisme?

Tahun 2011 dan 2012 merupakan tempoh yang bergelora bagi demokrasi dan para diktator di merata rantau dunia. Kita melihat bagaimana kuasa rakyat menjatuhkan Gaddafi dan Mubarak. Kita melihat gerakan menentang kapitalisme serta penubuhan gerakan duduki (*Occupy movement*) akibat rasa tidak puas hati terhadap penyalahgunaan institusi kewangan. Kita melihat berpuluhan ribu penduduk Eropah berarak menentang rancangan penjimatan melampau kerajaan mereka.

Pandemik COVID-19 bermula pada tahun 2020 telah mengetengahkan keimbangan hak asasi manusia seperti kesihatan, akses kepada pendidikan, pekerjaan, makanan yang mencukupi, pakaian dan tempat tinggal serta perlindungan pendatang dan pelarian, yang kesemuanya kurang menjadi tumpuan sebelum ini.

Pilihan raya bersejarah pada 2018 di Malaysia, membuka ruang demokrasi apabila kerajaan telah menunjukkan dasar pintu terbuka di mana organisasi masyarakat sivil dan orang ramai terlibat secara langsung dalam beberapa reformasi hak asasi manusia termasuk reformasi institusi. Namun kerajaan tersebut dicabar apabila ianya runtuh dan kerajaan baharu berkuasa tanpa dipilih.

Oleh kerana peristiwa-peristiwa sebegini semakin kerap berlaku, rakyat Malaysia mula melihat bagaimana tindakan langsung tanpa kekerasan (*non-violent direct action*) boleh memberi kesan mendalam terhadap kehidupan mereka, terutamanya dalam keadaan di mana institusi-institusi formal dan kaedah tindakan sedia ada telah gagal. Tema yang sama dalam kebanyakan peristiwa ini merupakan tindakan kolektif oleh warga individu untuk mengubah tingkah laku pemegang-pemegang kuasa.

Kempen menentang ISA, EO, AUKU, Lynas dan kempen UNDI18 antara lainnya, telah dibuat secara selaras, berterusan dan ada kalanya menjadi suatu kontroversi di negara ini. Sesetengah telah berjaya dan membawa pemansuhan ISA dan EO selepas perjuangan lebih daripada 40 - 50 tahun. Tekanan hebat orang awam memperlihatkan Mahkamah Rayuan membuat penghakiman yang jarang berlaku dengan mengisyiharkan seksyen 15 AUKU sebagai bercanggah dengan perlombagaan. Gerakan anak muda membolehkan mereka yang berumur 18 tahun dibenarkan mengundi. Perhimpunan berulang-kali di pantai yang dihadiri oleh makcik-makcik dan pakcik-pakcik di Kuantan telah mendorong Kerajaan mengubah pendirian asalnya yang cukup tegar dalam membela Lynas dan memperkatakan hasrat untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk tujuan siasatan lanjut.

Kejayaan protes besar-besaran BERSIH (2007), BERSIH 2.0 (2011), BERSIH 4.0 (2015) dan BERSIH 5.0 (2016) untuk menuntut penambahbaikan proses pilihanraya bukan satu kebetulan. Tiada ahli sejarah akan lupa bahawa faktor utama yang menyebabkan rakyat hilang rasa takut dan bersatu menyertai ketiga-tiga demonstrasi jalanan – “Walk for Justice” oleh Majlis Peguam (September 26, 2007), perhimpunan BERSIH dan HINDRAF (25 November, 2007) - yang membawa kepada keputusan pilihan raya luar biasa pada tahun 2008.

Aktivisme di negara kita telah menjadi lebih penting, lebih mendesak, lebih relevan, lebih perlu dan lebih kuat dengan adanya internet, dengan kemajuan pengehakupayaan belia yang progresif melalui inisiatif berasaskan hak, kebangkitan kelas pertengahan yang ingin melihat perubahan dan perasaan kecewa, tidak puas hati dan rasa tidak percaya kepada pihak berkuasa.

Tetapi, aktivis tidak dilahirkan. Mereka dibentuk. Sesiapa yang memberitahu anda bahawa dia ‘dilahirkan sebagai aktivis’ berbohong. Sebaliknya, seseorang itu perlu bertanya apa yang mencetuskan perjalanan seseorang dalam aktivisme. Apakah pemangkin yang membuat seseorang menjadi warganegara yang lebih aktif?

Bagi sesetengah orang, ia mungkin gerakan Reformasi atau gerakan BERSIH. Kepada yang lain, ia mungkin cerita peribadi tentang penderaan oleh polis atau pengalaman sesebuah masyarakat dalam menghalang pembinaan sebuah kilang radioaktif yang berbahaya di kawasan mereka. Setiap cerita berbeza, dan milik setiap individu itu sendiri. Tetapi, sebuah cerita akan senantiasa ada jika seseorang itu berfikir tentang hal ini dengan lebih mendalam.

### **Kenapa saya perlukan Toolkit Lakukan-sendiri?**

Hakikatnya, ramai anak muda Malaysia hari ini sanggup dan bersedia untuk membantu, antara lain, masyarakat yang terpinggir dan tertindas. Tetapi ramai yang kurang kemahiran, sumber dan keupayaan untuk berbuat demikian. Apa yang mereka ada hanyalah tenaga dan idealisme. Kebanyakannya hanya bergantung kepada taktik kempen secara spontan atau kaedah penganjuran tidak teratur yang selalunya gagal mencapai matlamat atau memberi impak kepada pemegang-pemegang kuasa.

Selepas BERSIH, kita lihat sebilangan besar rakyat Malaysia semakin cenderung dalam aktivisme dan mula mengambil inisiatif sendiri, ramai pada mulanya tanpa sokongan parti-parti politik. Realitinya, usaha parti-parti politik daripada kedua-dua belah pihak yang mencuba, dan berjaya, ‘mengambil-alih’ sebahagian daripada pergerakan ini telah membantu memperluaskan mesej rakyat dengan meletakkan isu-isu yang dibangkitkan di bawah perhatian negara.

Justeru, bagaimanakah kita memanfaatkan kebangkitan ini serta menyalurkan inisiatif ini ke arah pembaharuan sosial yang berkekalan dan bermakna? Jika saya baru mula bergiat dalam aktivisme, apakah yang perlu saya lakukan untuk memajukan perjuangan saya? Apakah langkah-langkah yang perlu saya ambil? Adakah terdapat model atau templat yang mudah diikuti oleh orang lain? Bagaimanakah kempen-kempen dan gerakan hak asasi manusia memperoleh kejayaan? Toolkit ini cuba untuk menjawab soalan-soalan tersebut.

Kedua, dengan kepercayaan bahawa aktivisme perlu diarusperdanakan dan tidak lagi terhad kepada segolongan kecil yang terdorong kepada

aktivisme secara kebetulan atau tidak sengaja, Toolkit ini bertujuan untuk mewujudkan bentuk pemikiran yang koheren - atau senarai semak - satu reka bentuk atau asas sebuah kempen atau gerakan, serta pelaksanaannya secara praktikal dan berkesan. Atau dalam kata lain, sains aktivisme.

Ketiga, Toolkit ini bertujuan untuk melengkapkan pengalaman UndiMsia! dengan menyediakan asas yang diperlukan oleh penggerak kami bagi memimpin dan melancarkan dengan sendiri gerakan utama UndiMsia! iaitu #IdolaDemokrasi Gameshop.

Keempat, penyelidikan kami mendapati tidak ada mana-mana buku aktivisme Malaysia yang serupa dengan Toolkit ini. Memandangkan kita berada dalam era yang sarat dengan maklumat tetapi sentiasa mudah lupa atau kekurangan daya tumpuan, kami telah dokumentan dan arkibkan sejarah lisan dan perjalanan UndiMsia! (dilancarkan pada September 16, 2011) dengan harapan bahawa ia akan memberi perspektif baru kepada aktivisme yang tidak pernah wujud di dalam negara kita sebelum ini, untuk generasi sekarang dan yang akan datang.

Ditulis terutamanya untuk penggerak masyarakat UndiMsia! sebagai panduan untuk mempengaruhi orang yang mereka temui atau sedang digerakkan dengan tepat; dan untuk pemerhati luar yang berminat untuk mengetahui apa sebenarnya UndiMsia!, kami berharap panduan yang dinyatakan dalam Toolkit ini, dengan sedikit ketekunan, akan digunakan untuk membantu pergerakan aktivisme rakyat.

Nota peringatan: Toolkit ini tidak mendakwa menjadi panduan menyeluruh atau muktamad. Sebaliknya, ia membuat rujukan kepada pelbagai sumber lain yang dinyatakan dalam Bab V, Sumber Untuk Bacaan Dan Tindakan Lanjut. Toolkit ini bukan jawapan mutlak tetapi hanya salah satu daripada jawapan yang ada. Ia ialah satu permulaan. Ia merupakan suatu 'kerja dalam proses' (*'work in progress'*) untuk beberapa bulan dan akan berterusan sebagai usaha bersungguh-sungguh kami untuk merekodkan perkembangan UndiMsia! yang pantas maju ke hadapan. Ini adalah kali pertama sains aktivisme dalam model yang dibangunkan oleh UndiMsia! ditulis dalam cara ini dan kami akan terus memperbaiki kaedah-kaedah dan sumber-sumber untuk

menjadikan aktivisme lebih seronok, lebih mudah, lebih berkesan dan lebih bermakna bagi aktivis (atau bakal aktivis) yang menggunakannya.

## **Bagaimana saya gunakan Toolkit ini?**

Buku ini tidak semestinya perlu dibaca dari awal hingga akhir. Kami telah bahagikan buku ini untuk rujukan mudah dalam cara yang mencerminkan aliran yang logik. Kami percaya bahawa mana-mana penggerak baru akan dapat mengumpul maklumat teras daripada Toolkit ini untuk menambah pengalaman pembelajaran beliau dengan UndiMsia! melalui, antara lain, #IdolaDemokrasi GameShop dan #SekolahAktivisme.

## **Apa perlu saya lakukan selepas membaca Toolkit ini?**

Tiada buku yang boleh ‘mengajar’ aktivisme. Aktivisme mesti dialami sendiri. Toolkit ini hanya boleh ‘mencadangkan’ naratif tertentu atau panduan tindakan, dan kami tidak mendakwa bahawa anda akan pelajari semua yang anda perlu tahu dengan membaca buku ini. Anda mesti rasai aktivisme, alami dan lakukannya sendiri untuk menikmati manfaat penuh Toolkit ini.

Di seluruh dunia, satu fenomena yang paling biasa dikaitkan dengan sifat manusia ialah keupayaan seseorang untuk hanya merungut tentang permasalahan tetapi seiring dengan itu, ketidakupayaan untuk bertindak mencari penyelesaian, dengan kata lain ‘perungut berulang’, yang kurang atau tidak langsung mengambil tindakan yang ketara. Namun, demokrasi yang benar-benar bebas dan berfungsi bukan tentang undi anda yang dibuat sekali setiap lima tahun. Satu undi setiap lima tahun cuma membawa sedikit sahaja penyelesaian, itupun sekiranya ada. Apa yang penting ialah mengambil tindakan sebelum dan selepas undi tersebut. Seruan untuk bertindak UndiMsia! secara asasnya ialah supaya kita BERTINDAK. Ambil tindakan. Bertindak.

Walaupun UndiMsia! bercita-cita untuk mendidik, memperkasakan dan membina keupayaan, hasrat itu hanya boleh tercapai jika terdapat belia yang akan menjadi sebahagian daripadanya dan memberinya inspirasi,

kerana UndiMsia! bukan milik sesiapa, tetapi milik kita semua. Untuk semua yang UndiMsia! telah lakukan setakat ini dan apa yang akan berlaku padanya di masa hadapan.

Ini adalah untuk mereka yang menyaksikan kerja-kerja gerakan ini untuk membuat keputusan. Kepada yang tidak, kami hanya boleh meletakkan tangan ke dada, menyuarakan tujuan kami dan menyatakan bahawa kami telah cuba, sedang mencuba dan akan mencuba dengan sedaya upaya - dengan niat yang baik - untuk menjadikan Malaysia tempat yang lebih baik untuk kita semua.

Ditulis berdasarkan pengalaman kolektif lebih dari 23 tahun dalam menyertai dan memimpin pelbagai gerakan sosial sejak zaman Reformasi pada lewat tahun 90an, kami tawarkan Toolkit ini kepada anda untuk aktivisme, gaya Malaysia.

Bergerak dengan kami: untuk menawan, menghubung, mengubah dan memupuk!

**Malaysian Centre for Constitutionalism  
& Human Rights (MCCHR)  
atau dikenali sebagai PusatRakyatLB**  
A-3-8 Pantai Business Park,  
Jalan Pantai Baharu,  
59200 Kuala Lumpur  
*Feb 2022*

# PENGhargaAN

UndiMsia! dilahirkan daripada idea bahawa Malaysia – terutamanya kini berbanding dahulu - memerlukan gerakan yang jelas bukan partisan untuk membina satu generasi komuniti aktif dan bebas yang baru, agar dapat menyelesaikan masalah mereka sendiri melalui penggunaan panduan & tindakan rakyat lakukan-sendiri yang mudah. Sejak pelancarannya pada September 16, 2011, UndiMsia! telah menarik perhatian media, ahli politik, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan pelbagai pihak yang berkepentingan dan secara umumnya telah mendapat laporan yang menggalakkan untuk kerja-kerja agensi perubahan sosialnya. Sebahagian besar darinya telah diumumkan dengan meluas melalui pelbagai saluran jaringan @UndiMsia dan @pusatrakyatlb kami iaitu Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube.

Kemajuan gerakan ini adalah hasil usaha belia yang bertenaga dan penuh idealisme yang telah bergerak dengan UndiMsia!, dan yang telah ‘lulus’ dari program utama kami iaitu #IdolaDemokrasi Gameshop, yang telah diadakan secara berkala di serata negara dan luar negara. Dengan cara mereka sendiri, penggerak ini telah keluar dan memberi inspirasi, mempengaruhi dan mengaktifkan mereka yang lain, dan terus menyumbang kehidupan dan jasad mereka kepada gerakan aktivisme. Mereka telah membantu memperbaiki dan membentuk gerakan ini, kandungan serta inisiatifnya, menjadikan UndiMsia! itu sendiri suatu kuasa yang cukup berpengaruh. Kepada mereka, UndiMsia! terhutang budi. Andalah sumber inspirasi kami.

Tanpa aturan mengikut pilihan atau keutamaan, kami mengiktiraf Komuniti Penggerak UndiMsia!, LoyarBurokkers daripada LoyarBurok.com (blawg komuniti yang hebat tu), penggerak Kempen PerlembagaanKu (MyConstiti), Aktivis Hak Asasi Manusia daripada

Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam dan Peguam-peguam Muda daripada Peguam Muda Kebangsaan di Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam-peguam Muda Kuala Lumpur.

Secara individu, sebenarnya, terlalu ramai untuk disebut - namun kami tetap akan menamakan sesetengahnya (kami memohon maaf jika kami ketinggalan sesiapa, anda tahu siapa anda): Rebecca Choong, Hasbeemasputra Abu Bakar, Joanne Chua, Haziqah Nasirah, Tan Sze Ming, Farency Baseng, Alex Kwok, Low Wen Zhen, Sam Lim, Kedric Kwan, Cheryl Chok, Tania Jo, Pepper Lim, Pang Sheue Chyn, K Shanmuga, Fahri Azzat, Sharmila Sekaran, Zain HD, Seira Sacha, Khaizan Sharizad, Zaim Mohzani, Idzwan Husaini, Chan Yen Hui, Rebecca Lau, Edward Saw, Boo Su-Lyn, Marcus van Geyzel, Lim Ka Ea, Long Seh Lih, Adrian Chew, Woon King Chai, Michael Loo, Vienna Looi, Adam Adli, Farida Ibrahim, Juana Jaafar, Karen Yap, Justine Tan, Pang Jo Fan, Rubin Khoo, Michelle Choi, Pauline Teoh, Syahredzan Johan, Qayyum Jumadi, Lisa Ng, Aira Azhari, Aerie Rahman, Farisya Shukor, Adli Zakuan, Aizat Mokhtar, Farhan Azahan, Zulhabri Supian, Hazwany Jamaluddin, Rajen Devaraj, Edmund Bon, Chin Oy Sim, Benazir Japiril, Azrul Syahradzi, Aston Paiva, Alison Ong, Lee Ee May, Louis Liaw, Ong Kar Jin, Wong Chin Huat, June Low, Jocelyn Loh, Joachim Leong, Yaw Ern Nian, David Teoh, William Ng, Janet Tan, PK Sukania, E Nalini, Rahmat Abu Bakar, Sara Lau, Khor Heng How, Patricia Noeb, Kang Mei Yee, Ong Kian Ming, Daniel Albert, Kimmy Ang, Benjamin Leong, Sean Ho, Jubili Anilik, Louise Tan, Tan Khai Yoong, Galvin Wong, Azira Aziz, Derek Kok, R Gokul, Lim Wei Jiet, Fahmi Reza, Kenneth Chung, New Sin Yew, Shahnon Lau, Ikmal Hazlan, Anne Baltazar, June Rubis, Anne Hooi, Ammar Khairi, Farah Chuah, Roger Chan, Audrey Lim, Michelle Ng, Daniel Soon, How Zean Shiung, Debra Nita, SK Thew, Chew Hoong Ling, Rahul Kulkarni, Nicol Paul, Alea Nasihin, Arun Valliappan, Michelle Yesudas, Teoh Tee Keat, Sufri Safuan, PY Wong, Melissa Sasidaran, Nadiah Ahmad, Yap Jin Rui, Tan Hwee Yee, Randy Chew, Redzuan Yusoff, Azri Malek, Rafeeza Hamdan, Karl Rafiq, Pang Khee Teik, Gilfred Ho, Chew Chai Voi, Rachel Chin, Ferdinand Pereira, Thean See Xien, Winson Lee, Adrian Yeo, Jonathan Yong, Ian Choong, Jason Lee, Izwan Zakaria, Patrick Loh, Dineswari Puspanadan, Zara Kahan, Wong Fook Meng, Nadia Heng, Elaine Tiu, Nova Nelson, Hardesh Singh, Adriana Leu, Adriene Leong,

Boo Sha-Lyn, Liam Hanlon, Kenneth Wong, Lingswaran Singh, Andrew Yong, Izmil Amri, Cilia Chong, Ong BK, David Mathew, Choo Mun Wei, Esther Anandaraj, Nadia Abu Bakar, Reuben Wee, Reshera Chan, Shafiqa Nabeera, June Choon, Quek Yiing Huey, Amer Hamzah, Chuah Ee Chia, Moly Mathews, Teh Chi-Chang, Thilaga Sulathireh, T Arokiasamy, Syed Harun, Jasmine Ng, Nandakumar Haridas, Melissa Loovigaratnam, Ryan Soo, Syarulnizam Salleh, Saifuddin Abdullah, Idris Jala, Tan Jo Hann, Lily Foong, Masjaliza Hamzah, Chuah Siew Eng, Karen Jolly, Lew Pik-Svonn, Tan Shang Neng, Joanne Leong, Lau Yi Leong, Nur Ezira Ramli, Rachel Foong, Rizwan Tayabali, Fatimah Ismail, Johny Andu, Yoshua Chua, Michele Chua, Ashley Chua dan Najwa Tajul.

Arthur Lee, kerana menyediakan aspek visual and teknikal yang sempurna bagi ToolKit versi Bahasa Melayu ini.

Yang terakhir, Firdaus Husni, Mazni Ibrahim, Toh Nyon Nyin dan Nor Hanizah Ahmad yang merupakan staf MCCHR yang menyambung legasi gerakan ini agar terus maju ke hadapan!


# GLOSARI

|                               |   |
|-------------------------------|---|
| <b>ADUN</b>                   | Ahli Dewan Undangan Negeri<br>( <i>Member of the State Legislative Assembly</i> )   |
| <b>AG</b>                     | <i>Attorney General / Peguam Negara</i>   |
| <b>AUKU /<br/>UUCA</b>        | Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 /<br><i>Universities and University College Act 1971</i>  |
| <b>BERSIH</b>                 | Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil /<br><i>The Coalition for Clean and Fair Elections</i>   |
| <b>Penggerak<br/>Komuniti</b> | Nyawa dan darah UndiMsia!. Penganjur dan penggerak gerakan ini yang memainkan empat peranan aktivis: Rakyat, Reformis, Egen Perubahan Sosial dan Pemberontak. |
| <b>CPPS</b>                   | <i>Centre for Public Policy Studies /</i><br>Pusat Kajian Dasar Awam  |
| <b>EC</b>                     | <i>Election Commission / Jawatankuasa Pilihanraya</i>   |
| <b>EO</b>                     | <i>Emergency (Public Order and Crime Prevention) Ordinance 1969 / Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969</i>                         |
| <b>HINDRAF</b>                | <i>Hindu Rights Action Force /</i><br>Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu   |
| <b>IGP</b>                    | <i>Inspector-General of Police / Ketua Polis Negara</i>   |

|                            |   |
|----------------------------|---|
| <b>ISA</b>                 | <i>Internal Security Act 1960 / Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960</i>  |
| <b>JAC</b>                 | <i>Judicial Appointments Commission / Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman</i>  |
| <b>LoyerBurok<br/>(LB)</b> | Blawg yang SATU-SATUNYA Blawg. Hanyalah sebuah blawg komuniti lakukan-sendiri yang hebat, yang menyediakan platform pelbagai fungsi untuk diakses oleh penulis dan pembaca dengan penuh ketagihan dari pelusuk dunia.   |
| <b>Lynas</b>               | <i>Lynas Corporation Ltd</i> ialah sebuah syarikat Australia yang mahu membina <i>Lynas Advanced Materials Plant (LAMP)</i> untuk memproses nadir bumi di Gebeng, Kuantan, Pahang. Kebimbangan ancaman radioaktif kepada alam sekitar telah mencetuskan satu gerakan rakyat terhadap Lynas. |
| <b>MACC</b>                | <i>Malaysian Anti-Corruption Commission / Suruhanjaya Pencegahan Rasuah</i>   |
| <b>MCA</b>                 | <i>Malaysian Chinese Association / Persatuan Cina Malaysia</i>  |
| <b>MCCHR</b>               | <i>Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights</i> juga dikenali sebagai PusatRakyatLB. Tak perlu cakap lagi.   |

|   |   |
|---|---|
| <b>MP</b>   | <i>Member of Parliament / Ahli Parlimen</i>   |
| <b>MyConstitution<br/>(MyConsti) /<br/>PerlembagaanKu</b> | Sebuah kempen nasional yang pertama seumpamanya untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai Perlembagaan Persekutuan yang dimulakan oleh Jawatankuasa Undang-Undang Perlembagaan Majlis Peguam.   |
| <b>NGO</b>  | <i>Non-Governmental Organisation /</i><br>Badan Bukan Kerajaan  |
| <b>NVDA</b>   | <i>Non-Violent Direct Action /</i><br>Tindakan Langsung Tanpa Kekerasan   |
| <b>PM</b>   | <i>Prime Minister / Perdana Menteri</i>   |
| <b>Reformasi</b>  | Sebuah pergerakan yang bermula pada tahun 1998 yang pada awalnya ditubuh untuk membantah pemecatan Dato 'Seri Anwar Ibrahim dan kemudiannya untuk membebaskan beliau dari penjara. Ia kini telah melahirkan pergerakan-pergerakan lain di Malaysia. |
| <b>SUHAKAM</b>  | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia<br><i>(Human Rights Commission of Malaysia)</i>  |
| <b>UDHR</b>   | Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat<br><i>(Universal Declaration of Human Rights)</i>   |
| <b>WFJ</b>  | <i>Walk for Justice / Perarakan untuk Keadilan</i>  |
| <b>YAG</b>  | <i>Youth Action Group / Kumpulan Tindakan Belia</i>   |
| <b>YDPA</b>   | Yang di-Pertuan Agong   |

# Bab



# SEJARAH RINGKAS: *bagaimana,* DAN MENGAPA? #LBRAK



## **Bagaimana dan mengapa UndiMsia! Inilah ceritanya.<sup>1</sup>**

Dari 26 hingga 27 Februari, 2011, sekumpulan 32 orang belia Malaysia yang bosan dan resah berkumpul di Melaka untuk memikirkan tentang kehidupan, cinta, masyarakat sivil dan politik Malaysia. Melalui 10 episod perkongsian jujur dan perbincangan terbuka, kami telah mengenal pasti beberapa amalan sejak Pilihan Raya Umum pada tahun 2008 yang perlu ditangani, antara lainnya:

1 Sila lihat Lampiran A untuk membaca dua artikel di #LBrak yang ditulis oleh Liam Hanlon dan Zain HD.

- Ramai pemimpin-pemimpin NGO dan aktivis masyarakat sivil telah menyertai parti-parti politik, khususnya gabungan Pakatan Rakyat.
- Dengan menjanjikan perubahan segera nampaknya, belia membentuk tanggapan bahawa penyelesaian kepada masalah masyarakat boleh diatasi melalui politik partisan, dan mencurahkan jiwa raga dan sumber mereka dalam memperkuuhkan parti-parti politik dengan mendaftar sebagai ahli atau bekerja untuk pemimpin-pemimpin parti.
- Jurang yang besar dalam NGO dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil mula timbul disebabkan pemimpin-pemimpinnya dan aktivis belia peringkat kedua telah memintas perjuangan bukan partisan untuk perubahan.
- Ramai MP yang tidak cekap telah dipilih ke Parlimen.
- NGO dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil telah meniru atau mereplikakan kempen-kempen hak asasi manusia dan demokrasi tempatan, dan ini telah mengurangkan sumber yang sudah sedia terhad.
- Terdapat kata sepakat mengenai keperluan untuk:
  - + Mengarusperdanakan aktivisme dengan segera untuk membina keupayaan belia ‘baru’ memimpin dan menggerakkan kempen serta membolehkan rakyat biasa mengatur masyarakat mereka untuk mengambil tindakan sendiri.
  - + Membentuk semula aktivisme NGO dan masyarakat sivil untuk menggunakan sumber yang terhad dengan lebih berkesan.

- + Menuntut semula dan membesarluaskan ruang masyarakat sivil pada skala kebangsaan.

Untuk mencapai matlamat yang dinyatakan, penyelesaian praktikal yang dicadangkan ialah untuk mewujudkan suatu gerakan mendidik dan memperkasa yang lestari dengan menyediakan platform yang menyeluruh, untuk menetapkan kaedah dan tindakan yang diperlukan untuk menyuburkan dan mengembangkan aktivisme. Pergerakan tersebut harus dibentuk dengan ciri-ciri berikut: ia harus bukan partisan, diterajui oleh masyarakat sivil, terangkum dan berusahasama, berpandukan isu, dan didorong oleh tindakan.

Apapun, gerakan sebegini perlu dijana oleh pengguna (yakni ‘tiada-kaitan-dengan-saya-sebagai-penganjur’) dalam masyarakat yang akan membawa isu-isu mereka sendiri tanpa bergantung - kerana mereka akan atau mungkin telah - kepada orang yang berkempen atau penggerak. Untuk berjaya, perlulah, pertama, meningkatkan kesedaran, kedua, mewujudkan peluang untuk berinteraksi dan, ketiga, menjamin syarat-syarat awal untuk perubahan, penyertaan dan kerjasama.

Beberapa rundingan awam, beberapa perbincangan, beberapa ceramah yang penuh inspirasi di sana sini. Dan kemudian, yang lain-lain akan menyusul:

### **#TipUndiMsia!**

**Berada di Sini Sekarang**

**Bebaskan Minda Anda**

**Ini adalah Ruang Selamat**

**Rancangannya ialah Rancangannya**

**Tenaga Takkan Mati**

**Kami Harap Anda Temui Apa Yang Anda Cari**



Bab

UNDI  
MSIA!

**GERAKAN  
UNDIMSIA!**

**“Undilah keseluruhan undi anda, bukan sejulur kertas semata-mata, tetapi dengan kesemua pengaruh anda”**

“Cast your whole vote, not a strip of paper merely, but your whole influence.”

**Henry David Thoreau, Civil Disobedience (1849)**

**“Anda memerlukan kombinasi tindakan mahkamah, ... dan demonstrasi, ... dan undang-undang ... anda perlu kombinasi tersebut. Itu ialah politik gotcha.”**

“You need a combination of litigation, ... and demonstrations, ... and legislation ... you need that combination. That was gotcha politics.”

**Jesse Jackson, Interview with Gina Mccauley,**

**www.essence.com (2008)**

<sup>2</sup> Ia menyediakan templat model bagi aktivis dan komuniti yang ingin mencipta dan membina kempen atau gerakan berdasarkan keadilan sosial atau hak asasi manusia. Templat ini terdiri dari empat tunggak: ‘Maklumat’, ‘Proses’, ‘Tindakan’ dan ‘Platform’ yang harus diikuti dalam merancang dan melaksanakan aktivisme yang diperlukan untuk menyelesaikan isu-isu tertentu atau masalah, dan memajukan perjuangan yang dipilih.

**2 Untuk fakta UndiMsia! dan soalan-soalan lazim, sila lihat Lampiran B.**

## TUNJANG PERTAMA: MAKLUMAT

### Mengapa Tunjang Maklumat?

UndiMsia! percaya perlunya untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mesra pengguna mengenai isi-isu yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat Malaysia, untuk disebarluaskan kepada orang ramai untuk perbincangan, perbahasan dan penyelesaian.

Kita mempunyai satu isu yang telah menjadi masalah. Mungkin ianya isu perkauman di sekolah atau rasuah dalam perkhidmatan awam atau hanya ketiadaan mesin air sejuk di sekolah. Ini merupakan suatu isu

dan kita menderita kerana isu itu, kini menjadi suatu masalah. Dalam mengambil tindakan untuk menangani masalah ini, pertamanya, kita perlu mengenal pasti isu yang terlibat. Kemudian, kita perlu untuk mengumpul maklumat yang mencukupi dan boleh dipercayai tentang masalah tersebut untuk menanganinya dengan berkesan.

Untuk menggesa sebarang kempen atau gerakan, kita perlu mencari dan menyelidik maklumat yang cukup dan boleh dipercayai untuk menjadikannya asas kepada mesej dan perjuangan yang kita lakukan. Mesej atau perjuangan yang tidak disokong oleh maklumat yang mencukupi dan boleh dipercayai tidak akan mendapat kesan yang diperlukan. Ini kerana tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut akan kurang mendapat sokongan orang ramai.

### **Matlamat**

Untuk mengumpul dan mengesahkan maklumat, dan seterusnya untuk menyebarkannya bagi meningkatkan kesedaran.

### **Bagaimana hendak melakukannya? Hala Tuju.**

Kumpul rakan-rakan kita, panggil bermesyuarat dan berbincang. Atau anjurkan #UndiMsiaChats untuk berbincang dan mendapatkan pandangan tentang masalah tersebut.

Kenal pasti isu



Rangka masalah yang perlu diselesaikan  
(dalam 10 perkataan)



Tanya:

- Adakah isu itu masalah ‘sebenar’?
- Siapakah mangsa/pengadu?
- Apakah yang mangsa/pengadu mahukan?
- Siapa yang menyebabkan masalah ini?
- Apakah kesan daripada masalah ini?



Temuramah mereka yang terlibat  
dan pihak berkepentingan



- Selidik masalah dengan merujuk kepada sumber yang boleh dipercayai
- Nilai masalah secara menyeluruh
- Zahirkan tiga penyelesaian kepada masalah
- Rangkakan tiga mesej utama tentang masalah dan penyelesaian yang ingin kita sampaikan
- Terbitkan bahan untuk menyebarkan mesej:  
Contohnya: surat, memorandum, maklumat grafik, video, tulisan blog, poster, risalah
- Sebarkan bahan tersebut

## TUNJANG KEDUA: PROSES

### Kenapa Tunjang Proses

UndiMsia! percaya kepada keperluan rakyat Malaysia untuk berhubung dengan wakil-wakil rakyat dan pemimpin masyarakat tempatan kita secara lebih bermakna dan berkesan bagi memastikan rakyat diberi apa yang patut diterima dan dijanjikan serta untuk menangani kelemahan perwakilan. Masalah yang perlu diselesaikan perlu dibangkitkan dengan wakil-wakil dan pemimpin sebagai ‘pelabuhan yang pertama’.

Penyebaran maklumat dan mesej di bawah Tunjang Pertama tidak mencukupi jika kita juga tidak berada dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi pemegang kuasa dan membuat dasar seperti Ahli Parlimen, ADUN, ahli-ahli majlis kerajaan tempatan dan pemimpin masyarakat untuk mengambil tindakan. Langkah seterusnya ialah membawa mesej kita melalui saluran rasmi kepada mereka yang dapat membuat perubahan dasar.

## **Matlamat**

Untuk melibatkan pemegang-pemegang kuasa dan pembuat dasar ke dalam perjuangan atau masalah kita supaya penyelesaian dapat dilaksanakan.

### **Bagaimana hendak melakukannya? Hala Tuju.**

Cari jalan untuk berkomunikasi dengan MP, ADUN, ahli majlis kerajaan tempatan atau pemimpin masyarakat kita: hantar surat, e-mel, telefon atau pergi ke pejabat/pusat khidmat masyarakat untuk bertemu dengan mereka. Atau anjurkan #UndiMsiaChats di mana sahaja kita berada dan jemput mereka untuk berbincang.

Ambil dan bawa bahan kepada perhatian pemegang kuasa



Bertemu dan bercakap dengan pemegang kuasa untuk membincangkan masalah tersebut dan penyelesaiannya



Jadikan pemegang kuasa sekutu anda dan layan mereka seperti sekutu



Dokumentkan mesyuarat dengan mengambil nota atau rakaman audio-visual



Bersetuju dengan pelan tindakan:

- Apa yang akan dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini?
- Bagaimana ia akan dilakukan?
- Bila ia akan dilakukan?
- Apakah saluran-saluran komunikasi yang akan digunakan antara pihak untuk memantau kemajuan?



Pastikan janji dibuat oleh pemegang kuasa dengan hasil yang dapat dilihat dan diukur, dipantau dan mengikuti pelan tindakan dan janji-janji:

- Adakah masalah ini telah ditangani?



- Adakah penyelesaian telah dilaksanakan?
  - Jika ya, audit penyelesaian tersebut, sama ada ia ialah apa yang mangsa/pengadu mahukan
  - Jika tidak, ganggu dan beri tekanan kepada pemegang kuasa, ingatkan mereka tentang pelan tindakan dan janji-janji
- 

Jika perkara di atas gagal, ganggu pemegang kuasa dengan langkah-langkah yang lebih teruk, contohnya undi menentang mereka,<sup>3</sup> menulis tentang mereka, menghantui mereka, memfailkan kes Mahkamah, lapor kepada media, NVDA (Tindakan Langsung Tanpa Kekerasan) dan sebagainya.



<sup>3</sup> Untuk menjadikan pemimpin-pemimpin kita yang dipilih lebih responsif dan bertanggungjawab, kita perlu tahu lebih lanjut dan memahami isu-isu yang mereka jurai, dan mengundi untuk atau menentang mereka berdasarkan isu-isu ini. Satu 'kad laporan' seperti UndiMsia! dan #LaporanRakyat CPPS ialah satu kaedah pengesanan dan pagauditian wakil-wakil rakyat kita. Lihat Lampiran C untuk teks #LaporanRakyat tersebut.

## TUNJANG KETIGA: TINDAKAN

---

### Mengapa Tunjang Tindakan?

UndiMsia! percaya kepada keperluan untuk rakyat Malaysia memberi inspirasi, mengatur dan menggerakkan rakyat dan masyarakat untuk mengambil tindakan apabila diperlukan. Dengan panduan yang dihasilkan daripada gerakan utama kami, #IdolaDemokrasi GameShop, Youth Action Group (YAG) dibentuk dan dibangunkan untuk mengangkat perjuangan dan isu-isu yang mereka fikirkan sesuai termasuk menyebarkan berita dan kerja-kerja gerakan ini.<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Untuk contoh templat Penggerak/'Bahagian Keberhasilan Utama' YAG dalam #LaporanPenggerak, sila lihat Lampiran D.

Tindakan yang lebih drastik diperlukan jika, selepas melaksanakan Tunjang Pertama dan Kedua, berlakunya keadaan tidak bernalasib baik di mana pemegang-pemegang kuasa tidak responsif, tidak boleh dipercayai serta keras kepala atau tidak mengambil tindakan yang

dimahukan untuk menyelesaikan masalah yang diketengahkan. Ini untuk memberikan tekanan yang lebih besar kepada pemegang-pemegang kuasa, supaya mereka tanpa pilihan lain kecuali untuk menangani masalah tersebut secara bermakna. Rakyat perlu menambahkan tekanan dengan mengambil NVDA untuk memberi inspirasi, merangsang dan mendapatkan sokongan yang lebih luas dari orang ramai untuk mengubah penghujung skala kuasa supaya memihak kepada mereka yang terjejas.

Jika kita tidak mengambil tindakan, pemegang kuasa akan ‘menang’ dan kita akan ‘kalah’ kerana mereka telah berjaya dalam menolak, mengabaikan atau gagal untuk menggunakan kuasa yang mereka ada untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap keimbangan dan masalah kita. Dalam erti kata lain, mereka telah mendiamkan kita. Ini ialah masa untuk kuasa rakyat. Tetapi kuasa rakyat ‘sebenar’ bukan tentang ahli-ahli politik melaung slogan-slogan selepas kemenangan pilihan raya. Ia ialah mengenai rakyat dan masyarakat yang mengambil tindakan yang kerap pada setiap hari, bukan hanya dengan mengundi sekali setiap lima tahun.

Idola sebenar demokrasi mestilah rakyat, bukan ahli politik atau institusi. Melalui #IdolaDemokrasi, aktivis, rakyat dan masyarakat akan mengikuti model yang menyediakan - dengan penggunaan kaedah tertentu - mengambil tindakan ke atas masalah tertentu, khususnya, tiga kaedah yang dikenali sebagai #ProblemTree, #BigPicture Analysis dan #ActionPyramid.

### **Matlamat**

Untuk meningkatkan profil perjuangan kita, menunjukkan kegagalan saluran rasmi dan institusi awam, mendapatkan sokongan majoriti orang ramai dan memaksa atau mencetuskan tindak balas daripada pemegang kuasa untuk resolusi yang berkesan kepada masalah tersebut.

### **Bagaimana hendak melakukannya? Satu Peta Hala Tuju.**

Kumpulkan rakan-rakan kita dan berhubung dengan pihak yang berkepentingan dan mereka yang terlibat dengan masalah ini. Anjurkan #IdolaDemokrasi<sup>5</sup> untuk membincangkan isu-isu, masalah, punca, kesan dan NVDA yang perlu diambil. Dalam GameShop:

<sup>5</sup> Untuk panduan praktikal ‘langkah demi langkah’ #IdolaDemokrasi GameShop, lihat Lampiran E.

- Dokumenkan GameShop dengan mengambil nota atau rakaman audio-visual
- Dengari orang-orang yang terlibat masalah tersebut
- Bersetuju dengan fakta-fakta dan undang-undang berkenaan dengan hak-hak asasi yang dicabuli dan yang berkaitan
- Menggunakan #ProblemTree, senaraikan sebab dan akibat daripada masalah tersebut
- Menggunakan #BigPicture Analysis, cartakan garisan pengaruh dan tunggak kuasa di kalangan pemegang-pemegang kuasa
- Dengan menggunakan #ActionPyramid, senaraikan sasaran, objektif, strategi, sekutu dan lawan, NVDA dan taktik
- Bersetuju dengan pelan tindakan:
- Apa yang akan dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini?
  - Bagaimana ia akan dilakukan?
  - Bila ia akan dilakukan?
  - Apakah saluran-saluran komunikasi yang akan digunakan oleh penggerak-penggerak untuk memantau kemajuan?
  - Tubuhkan YAG dan kenal pasti peranan-peranan dan pemimpin-pemimpin
  - Pastikan janji dimeterai oleh penggerak-penggerak dengan hasil yang ketara dan boleh diukur
  - Tetapkan tarikh untuk mesyuarat susulan atau GameShop lanjutan
  - Gerakkan orang lain dan tarik penggerak baru untuk menyertai perjuangan. Tawan. Temu. Tukar. Tanam.

## TINDAKAN!

Dalam mesyuarat susulan atau GameShop lanjutan, audit tindakan:

- Adakah tindakan itu berjaya?
- Di manakah di antara lapan peringkat pergerakan ini berada?
- Adakah masalah telah ditangani?
- Adakah penyelesaian yang telah dilaksanakan?
- Jika sudah, audit penyelesaian jika ianya adalah apa yang mereka yang terkesan mahukan
- Jika belum, apakah langkah seterusnya?

## TUNJANG KEEMPAT: PLATFORM/LANDASAN

### Mengapa Tunjang Platform/Landasan?

UndiMsia! percaya yang aktivisme memerlukan landasan yang menyeluruh yang mengambil kira sokongan dan penglibatan semua NGO bukan partisan dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil atau inisiatif untuk melengkapkan kerja masing-masing. Landasan ini ialah penting kerana ramai aktivis ialah sukarelawan yang tidak dibayar dan ianya penting untuk memaksimumkan - bukan menduplikasi atau mereplikakan – sumber.

Semua pergerakan memerlukan sokongan, organisasi dan mobilisasi berkelompok. Aktivisme tidak boleh menjadi hak atau beban kepada kepada mereka yang terlibat sahaja tetapi kepada semua rakyat Malaysia yang prihatin dan mengambil berat. Itulah sebabnya seseorang itu menyaksikan dalam kebanyakan gerakan atau kempen kepentingan negara, badan bukan kerajaan dan kumpulan-kumpulan yang pelbagai membentuk pakatan dan membuat kenyataan awam bersama.

Dalam program-program tindakan di bawah Tunjang Pertama, Kedua dan Ketiga, kerja-kerja yang dijalankan akan lebih berkesan jika kumpulan yang berfikiran sama turut terlibat. Di bawah Tunjang Keempat, UndiMsia! berusaha untuk menyediakan suatu landasan

dengan menyatukan, membuat promosi bersama dan berkongsi sumber di kalangan NGO dan kumpulan atau inisiatif-inisiatif (terutamanya mereka dalam bidang pendidikan dan pemerkasaan).

### **Matlamat**

Untuk berhubung dan melibatkan diri dengan NGO yang lain dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil atau inisiatif-inisiatif untuk membentuk menu yang meluas, yang boleh diguna dalam mendapatkan sokongan dan perpaduan daripada masyarakat yang terjejas dan menjalankan kerja yang boleh dikongsi bersama.

### **Bagaimana hendak melakukannya? Pelan Tindakan.**

Dalam laman web mcchr.org di bawah kategori UndiMsia!, terdapat halaman direktori khusus menyenaraikan pelbagai NGO dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil atau inisiatif-inisiatif untuk mendapatkan maklumat. Gunakan direktori dan cadangkan NGO-NGO lain dan kumpulan atau inisiatif lain untuk dimasukkan ke dalam senarai tersebut.

Cari dan selidiki NGO-NGO dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil atau inisiatif-inisiatif yang berfikiran serupa



Hadiri ceramah, kuliah, seminar, bengkel dan acara yang dianjurkan oleh mereka



Bercakap dengan pemimpin, kakitangan dan orang berkempen kumpulan-kumpulan atau inisiatif-inisiatif tersebut untuk mempelajari apa yang mereka lakukan



Jemput mereka untuk berkongsi dan memberi pandangan, latihan dan sumber-sumber mengenai isu, masalah atau sebab tertentu



Jemput mereka untuk menyokong atau menjadi rakan seperjuangan



Tawan. Temu. Tukar. Tanam.

Yang penting bukan apa yang anda kata,  
tetapi apa yang anda buat orang rasa.

Dunia ini bukan realiti yang ditentukan.  
Kita, sebagai aktivis, berada di sini untuk membentuknya  
- bukan untuk dibentuknya.

Orang kata cinta itu buta  
- tak kenal warna dan darjat.

Begitulah juga dengan aktivisme  
- kerana aktivisme lahir dari cinta.

Siapakah mereka? Di manakah kuasa?

Bertindak SEKARANG kerana  
kebebasan, hak dan keadilan  
tidak boleh dilindungi dengan sendirinya.

# BAB

**AKTIVIS  
*Dalam  
diri anda:  
Rakyat  
REFORMIS,  
EJEN PERUBAHAN  
SOSIAL DAN  
PEMBERONTAK***

# 31



## **AKTIVIS DALAM DIRI ANDA: RAKYAT, REFORMIS, EJEN PERUBAHAN SOSIAL DAN PEMBERONTAK**

Jadi, apakah seterusnya?

Kesan menarik aktivisme selain daripada membantu masyarakat yang terjejas, ialah membolehkan dan menggalakkan aktivis membangunkan diri secara semula jadi di samping meningkatkan kesedaran moral mengenai diri mereka sendiri. Bagaimanapun, salah satu isu utama yang membuat aktivis muda tidak kekal ialah persoalan tentang apakah peranan yang patut dimainkan dalam memulakan, menggerak atau mengambil bahagian dalam suatu kempen atau gerakan. Oleh kerana tidak mendapat penyelesaian yang membina kepada dilema ini, ramai telah menghadapi kekeliruan, putus asa dan merasa tidak berdaya apabila sesuatu perkara tidak berlaku seperti yang diharapkan, menjadikan mereka akhirnya penat dan berputus asa terhadap aktivisme. Inilah sebenarnya apa yang ‘musuh’ dan ‘lawan’ mahu lihat.

Bill Moyer dalam Pelan Tindakan Gerakan (*Movement Action Plan - MAP*)<sup>6</sup> beliau menyediakan beberapa panduan yang berguna dalam menjelaskan dilema ini, walaupun sekali lagi, bukanlah paling sahih. Pergerakan sosial

ialah “tindakan kolektif di mana penduduk dimaklumkan, dididik, dan digerakkan, kadang-kadang selama bertahun dan berdekad, untuk mencabar pemegang-pemegang kuasa dan seluruh masyarakat untuk membetulkan masalah-masalah sosial atau rasa tidak puas hati dan memulihkan nilai-nilai sosial yang kritikal”. Dalam menerangkan cara pergerakan dilakukan: “aktivis-aktivis masyarakat meletakkan perhatian kepada individu, kumpulan, institusi dan sistem sosial yang menggalakkan dasar dan amalan, yang mereka percaya, merupakan penyebab masalah dan melanggar nilai-nilai sosial yang dianggap mulia. Kemudian mereka mencabar pihak yang berkuasa dan mengajak seluruh masyarakat supaya menyelesaikan masalah tersebut, membaik pulih kerosakan, dan membuat perubahan yang akan menamatkan pelanggaran ke atas prinsip-prinsip yang dipegang kuat oleh mereka

<sup>6</sup> Lihat Moyer, Bill, JoAnn McAllister, Mary Lou Finley dan Steven Soifer. 2001. *Doing Democracy: The MAP Model For Organizing Social Movements*. New Society Publishers.

itu. Melalui penerangan peranan pergerakan social ini, jelas bahawa akan wujud perebutan kuasa yang tidak dapat dielakkan. Tugas utama pergerakan sosial ialah untuk memenangi hati, minda, dan sokongan majoriti rakyat. Oleh kerana kuasa sebenarnya ada pada rakyat, mereka lah yang akan menentukan sama ada untuk mengekalkan keadaan sama atau membuat perubahan".<sup>7</sup>

<sup>7</sup> Ibid. at p. 2.

<sup>8</sup> Gerakan yang berjaya boleh didapati dalam talian, lihat [www.turning-the-tide.org](http://www.turning-the-tide.org) dan [www.thechangeagency.org](http://www.thechangeagency.org).

<sup>9</sup> Moyer menggunakan istilah ‘Ejen Perubahan’. Dalam konteks Malaysia, ‘perubahan’ membawa pelbagai maksud khususnya, perubahan dengan mengundur keluar parti politik yang menerajui Kerajaan dan menggantikannya dengan Pembangkang. Kami telah menambah perkataan ‘Sosial’ dan menggunakan istilah ‘Ejen Perubahan Sosial’ untuk menjelaskan bahawa ‘perubahan’ dalam konteks ini tidak semestinya merujuk kepada perubahan parti politik tetapi ia mempunyai kesan dan implikasi ke atas masyarakat yang lebih meluas.

Berdasarkan penyelidikan dan pengalaman bertahun-tahun, Moyer berpendapat bahawa aktivis mesti memahami adanya empat peranan berbeza yang mesti dimainkan dalam lapan peringkat agar sesuatu gerakan itu berjaya.<sup>8</sup> Empat peranan tersebut ialah ‘Marhaen’, ‘Reformis’, ‘Ejen Perubahan Sosial’<sup>9</sup> dan ‘Pemberontak’. Lapan peringkat gerakan tersebut ialah ‘Keadaan Normal’, ‘Buktikan Kegagalan Institusi-Institusi Normal’, ‘Keadaan Yang Sesuai’, ‘Pelancaran’, ‘Persepsi Kegagalan’, ‘Pendapat Majoriti Awam’, ‘Kejayaan’ dan ‘Menyambung Perjuangan’.

Kesemua empat peranan mesti melengkapi antara satu sama lain secara positif dan dilaksanakan dengan berkesan untuk

mencapai apa-apa tahap kejayaan bagi sesuatu gerakan. Jika dibaca bersama dengan kelapan-lapan peringkat, empat peranan tersebut tidak dicaturkan untuk mengawal tindak-tanduk mana-mana aktivis, tetapi sebagai satu bentuk penilaian diri berkenaan apa yang telah saya lakukan, apa yang telah saya lakukan dengan betul atau salah, apa lagi yang boleh saya lakukan dan apa lagi yang boleh saya lakukan dengan berkesan atau lebih berkesan. Selain itu, ia membantu aktivis yang meletak diri mereka dalam gambaran yang lebih besar tentang pergerakan dan pembinaan negara untuk mengesan sumbangan beliau, dan pada masa yang sama untuk memahami bahawa aktivisme ialah satu projek jangka panjang.

Sila ambil kuiz mudah, bukan saintifik, '**Aktivis Dalam Diri ANDA**' ini untuk bertanya kepada diri anda sendiri yang mana satu daripada empat peranan tersebut yang anda rasa sesuai:

**1** Manakah di antara berikut yang terbaik menggambarkan anda?

- Seorang yang berpendapat peraturan perlu dipatuhi
  - Seorang yang berpendapat peraturan boleh diubah
  - Seorang yang berpendapat peraturan ialah untuk mendidik
  - Seorang yang berpendapat peraturan ialah untuk dilanggar
- 

**2** Jika anda bermasalah dengan pihak sekolah, apakah penyebabnya?

- Saya tidak akan mencari masalah
  - Membaca buku-buku yang tidak berkaitan dengan subjek yang diajar di dalam kelas
  - Bercakap dalam kelas
  - Berhujah dengan guru
- 

**3** Apakah jenis pakaian yang anda suka pakai?

- Apa sahaja yang praktikal
  - Baju putih berkollar dan tali leher yang formal dan kemas
  - T-shirt yang mengandungi cetakan mesej sosial
  - Seluar jeans koyak dan lusuh
- 

**4** Dalam pemikiran anda, apakah tujuan Perlembagaan Persekutuan?

- Untuk mengelakkan kekacauan dan huru-hara dalam masyarakat
  - Untuk mengekalkan kehidupan yang bebas dan baik
  - Untuk memperkasakan rakyat
  - Perlembagaan? Apa tu?
-

- 5** Apabila melihat ketidakadilan berlaku kepada seseorang di depan mata anda, apakah reaksi anda?
- Saya akan memaklumkan kepada pihak berkuasa
  - Saya akan bercakap secara baik dengan orang-orang yang terlibat untuk menyelesaikan masalah dengan cara yang memihak kepada mangsa
  - Saya akan bersyarah kepada mangsa dan penindas tentang masalah yang mungkin akan berlaku dan memberi cadangan penyelesaian untuk mereka ambil pakai
  - Saya akan menentang konflik tersebut secara berdepan dan menjerit pada penindas tersebut
- 

- 6** Apakah peranan yang biasa anda mainkan dalam pasukan?
- Bekerja di belakang tabir
  - Jurucakap media untuk pasukan
  - Jurulatih atau mentor kepada ahli pasukan
  - Dalam gelanggang di mana aksi berlaku
- 

- 7** Apabila melihat masalah sistemik dan kegagalan institusi dalam masyarakat yang membuatkan anda geram, anda akan:
- komen secara negatif tentang masalah dan kegagalan tersebut kepada ahli pasukan dan mengelak daripada masalah tersebut
  - bekerja dalam sistem untuk membawa perubahan secara progresif
  - mendidik, memperkasa dan menyusun rakyat untuk menangani masalah dan kegagalan tersebut
  - membuat protes jalanan untuk membantah sistem tersebut
- 

- 8** (Jawab soalan ini mengikut) Mengapakah anda meminati aktivisme?
- Kerana saya berpendapat ia ialah penting
  - Kerana saya mempunyai idea-idea falsafah dan

- intelektual yang saya mahu laksanakan untuk memperbaiki sistem kita
- Kerana saya percaya kita perlu mendidik dan memberi kuasa kepada rakyat untuk mempertahankan hak-hak mereka
  - Kerana saya benci sistem yang sedia ada
- 

## Faham apa yang kami maksudkan?

### a. Rakyat

Dalam peranan Rakyat, aktivis-aktivis “menyokong dan menunjukkan visi meluas yang dipegang oleh masyarakat yang baik dan demokratik; memberi kesahihan ke atas pergerakan di mata rakyat biasa; membolehkan pergerakan, untuk menahan usaha pemegang-pemegang kuasa untuk menjatuhkannya; dan mengurangkan potensi untuk sikap dan tindakan ganas dalam pergerakan”<sup>10</sup>

### b. Reformis

Dalam peranan Reformis, aktivis “menghantar analisis dan matlamat pergerakan kepada institusi dan individu pemegang kuasa; berusaha menggunakan parlimen dan undang-undang – melobi, referendum, tindakan undang-undang; berusaha mewujudkan dan mengembangkan undang-undang dan dasar-dasar baru, bertindak sebagai pengawas untuk memastikan undang-undang dan dasar-dasar baru dibiayai dan dilaksanakan; menggerakkan bangkangan kepada usaha-usaha tindak balas pihak yang konservatif; dan memupuk serta menyokong aktivis akar umbi”<sup>11</sup>

10 Doing Democracy di ms. 23-24.

11 Doing Democracy di ms. 26-27.

Reformis biasanya ahli akademik, pakar undang-undang, peguam, aktivis intelektual dan profesional yang mewujudkan dan menukar, idea baru dan tidak konvensional, dan cara-cara melakukan sesuatu dengan berunding. Tidak selalu diterima baik pada mulanya, Reformis ialah orang yang memakai sut kemas, tali leher, dan kasut berkilat yang akan duduk bersama dengan pemegang-pemegang kuasa menikmati karipap, kek dan teh terlebih manis dalam mesyuarat-mesyuarat perancangan

yang tidak terkira banyaknya untuk menggubal undang-undang baru. Atau menghadiri perbicaraan Jawatankuasa Pilihan Parlimen membentangkan kertas cadangan dan kajian.

### c. Ejen Perubahan Sosial

Dalam peranan Ejen Perubahan Sosial, aktivis “menggalakkan demokrasi berdasarkan rakyat; menggalakkan penglibatan sebilangan besar rakyat dalam proses menangani masalah sosial tertentu; mentakrifkan semula masalah untuk menunjukkan bagaimana ia memberi kesan kepada setiap sektor masyarakat; mendorong konsensus sosial dan politik baru yang memihak kepada penyelesaian yang positif; menggalakkan prinsip-prinsip demokrasi dan nilai-nilai manusia dalam ‘sistem terbuka’ (iaitu, satu sistem yang dianjurkan oleh rakyat sendiri, tanpa dikawal oleh pemegang-pemegang kuasa elit dalam sistem hierarki menindas tertutup); membangunkan gerakan majoriti; menyokong pembentukan pakatan-pakatan; membalaq tindakan-tindakan pemegang-pemegang kuasa; dan menggerakkan masyarakat daripada pembaharuan kepada perubahan sosial dengan menggalakkan anjakan paradigma”.<sup>12</sup>

Intipatinya, Ejen Perubahan ialah pendidik yang berfungsi untuk memperkasakan sebahagian besar masyarakat. Ejen ini mengambil pendekatan yang berbeza tetapi secara konsisten dengan menggunakan pelbagai program untuk mempengaruhi minda dan memenangi hati.

### d. Pemberontak

Dalam peranan Pemberontak, aktivis “meletakkan isu-isu dalam agenda sosial masyarakat melalui tindakan dramatik tanpa keganasan; meletakkan isu-isu dalam agenda politik; menunjukkan bagaimana institusi-institusi dan pemegang-pemegang kuasa rasmi melanggar kepercayaan orang ramai dengan menyebabkan dan mengekalkan masalah sosial yang kritikal; memaksa masyarakat untuk menghadapi masalah mereka; mewakili barisan hadapan demokrasi dan moral masyarakat; dan menggalakkan demokrasi”.<sup>13</sup>

Aktivis Pemberontak ialah mereka yang  
mengetuai perhimpunan, demonstrasi dan protes,

<sup>12</sup> Doing Democracy di ms. 26.

<sup>13</sup> Doing Democracy di ms. 24.

dan menolak batas yang wujud dalam masyarakat. Sebagai pemangkin yang paling penting mencetus sesuatu keadaan, mereka ini tidak ramai oleh kerana risiko-risiko yang terlibat. Tetapi yang bagusnya, kita tidak perlu ramai aktivis Pemberontak ini.

Setelah menyatakan perkara di atas, kami menekankan seperti yang Moyer katakan bahawasanya peranan aktivis ialah tidak tetap. Ia boleh sentiasa bertukar. Satu hari anda mungkin memainkan peranan Pemberontak dan di hari yang lain sebagai Reformis, seperti yang dilakukan oleh Gandhi, Majlis Peguam dan pemimpin-pemimpin BERSIH. Apa yang penting ialah untuk mengenal pasti peranan mana yang anda mainkan, atau berniat untuk memainkan. Mainkan peranan yang anda suka atau berasa selesa untuk mendapat kesan yang lebih besar. Jangan sewenang-wenangnya mengkritik orang lain yang memainkan peranan berbeza daripada anda seperti Pemberontak (kerana mereka sentiasa menyebarkan pesimisme dan kenegatifan) atau Reformis (kerana mereka bekerja dalam sistem bersama dengan pemegang-pemegang kuasa). Jangan menuntut bahawa setiap orang perlu memainkan peranan yang sama seperti anda. Sebaliknya, carilah sekutu untuk memastikan semua peranan dimainkan pada setiap masa.

# Bab

# 4

*Nota Untuk*  
**AKTIVIS  
MUDA:**  
*Membina*  
**Kempen/  
PERGERAKAN**  
*anda*  
**SENDIRI**



## **NOTA UNTUK AKTIVIS MUDA: MEMBINA KEMPEN/GERAKAN ANDA SENDIRI**

Belia Malaysia yang dikasihi,

Anda berharap, dan akan memberikan harapan kepada negara kita, kerana kami percaya, seperti yang kami pasti anda juga berpendapat, harapan untuk masa depan yang lebih baik ialah salah satu emosi yang paling besar yang membolehkan kita bertahan dalam hidup kita. Dan anda - sebagai orang muda - sebenarnya merupakan harapan negara kita yang tercinta.

Anda mempunyai pengaruh yang lebih besar ke atas rakan-rakan anda dan generasi anda yang akan memacu kita ke hadapan dan berkembang bersama-sama untuk memenuhi keperluan dan cabaran masa depan. Menyedari adanya kuasa di tangan anda dan mahu menggunakan kuasa itu secara membina, ialah langkah pertama yang betul yang anda telah ambil dalam aktivisme.

Jangan endahkan mereka yang mengatakan bahawa rakyat Malaysia bersikap tidak peduli dan bahawa tiada apa kita boleh lakukan secara kolektif untuk memperbaiki keadaan rakyat kita.

Jangan endahkan mereka yang asyik merungut tetapi tidak mengambil apa-apa indakan untuk membantu diri mereka sendiri atau orang lain.

Jangan endahkan orang-orang yang bergantung kepada kuasa elit dan pihak berkepentingan yang mempunyai agenda tersendiri, yang diberi peluang serta segala keistimewaan, kerana suatu hari mereka akan sedar bahawa ia semuanya hanya suatu permainan semata-mata.

Jangan endahkan orang-orang yang ketawakan aktivisme dan aktivis, hanya untuk mereka merangkak kembali mencari bantuan daripada anda, apabila sesuatu masalah memberi kesan kepada mereka secara peribadi.

Sebaliknya fikir tentang mendidik diri sendiri dan orang lain di sekeliling anda.

Sebaliknya fikir tentang memperkasakan diri sendiri dan komuniti anda.

Sebaliknya fikir tentang mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi rakyat Malaysia pada setiap hari, 365 hari setahun.

Sebaliknya gerakkan dan aturkan masyarakat anda untuk berunding mengenai apa yang patut dilakukan untuk mengurangkan masalah.

Yang paling penting, aktifkan diri sendiri dan orang lain di sekeliling anda untuk bertindak ke arah membina komuniti yang berpendirian dan berdikari yang boleh membela diri sendiri, orang lain dan semua rakyat Malaysia.

Golongan muda hari ini mempunyai banyak persamaan. Anda sedar. Anda mempunyai pendapat tegar. Dengan manfaat komunikasi serta-merta, anda menerima dan berkongsi banyak maklumat dengan rakan-rakan anda. Anda tidak lagi berpuas hati dengan keadaan hal ehwal sekarang dan tidak kira di mana anda sekarang, anda akan berfikir tentang bagaimana keadaan boleh jadi lebih baik daripada ini. Anda percaya pada sesuatu dan anda bersedia untuk berjuang untuknya.

Tetapi ramai masih cenderung untuk berhenti pada satu tahap: mereka mengetahui tentang sesuatu perkara, mengadu tentangnya, dan kemudiannya berhenti. Oleh itu, langkah utama untuk anda ambil sekarang ialah untuk menterjemahkan kesediaan anda kepada tindakan, dan mempunyai pemahaman yang lebih baik akan hak, peranan dan tanggungjawab untuk bergerak ke hadapan, kerana ini ialah masa depan kita.

## Aktivis dan Aktivisme

Terdapat sesetengah manusia di seluruh dunia, antaranya ialah rakyat Malaysia, yang masih tidur di jalan raya, hidup tanpa makanan dan air yang mencukupi, tidak mempunyai akses kepada ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan, tidak dapat pergi ke sekolah. Ada yang lain merupakan mangsa rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyeksaan kejam tidak berperikemanusiaan dan layanan dan hukuman yang menjatuhkan

maruah. Namun yang lain masih mencari keadilan yang sebenar dan berkesan untuk meneruskan kehidupan mereka. Jauh lebih teruk lagi, ada yang masih tidak tahu bahawa mereka ialah rakyat negara ini yang mempunyai hak-hak mutlak.

Perkataan ‘aktivis’ dan ‘aktivisme’ ialah dua perkataan yang amat berkuasa. Ianya melambangkan pergerakan dan tindakan yang bertentangan dengan pasif dan membosankan.

Namun kata-kata ini digunakan untuk menampakkan tanggapan negatif ‘pengacau’ dan ‘penyibuk’. Ini ialah kerana rasuah, yang zalim, diktator, pencabul, yang bersifat perkauman dan pendera mahu memberi gambaran - yang palsu - terhadap aktivis, yang mempersoalkan apa yang mereka telah lakukan dan memalukan perbuatan-perbuatan mereka yang salah. Nyatanya, tindakan aktivis tersebut ialah perkara yang betul dilakukan oleh manusia yang berpemikiran. Dan supaya mereka yang mahu menyembunyikan aktiviti mereka daripada aktivis dan aktivisme. Mereka takut dengan aktivis dan aktivisme. Tetapi mereka telah gagal.

Hari ini, walaupun banyak cubaan untuk mengkritik, memenjarakan, menganiaya dan mengecam aktivis dan aktivisme, sebenarnya aktivis dan aktivisme ialah sesuatu yang gah, dan kini cukup ‘popular’ untuk disertai. Kami tidak akan berhenti. Kami tidak akan berhenti kerana aktivis dan aktivisme telah menyelamatkan dan membela kehidupan, mengurangkan kesakitan dan penderitaan dan mempertingkatkan tamadun manusia.

Dengan ini, kita harus ingat bahawa aktivis tidak dilahirkan, mereka dibentuk. Kita belajar dan berkembang menjadi peranan kita sebagai aktivis - sesetengah lebih cepat daripada yang lain terutamanya jika kejadian ‘pencetus’ telah berlaku yang memberi kesan terhadap kehidupan seseorang itu.

Apakah asas kepada seorang aktivis? Kami mencadangkan tiga (dan mungkin lebih), iaitu, ideologi, emosi dan fungsi.

## Ideologi

Aktivis, yang pertamanya mesti mendasarkan perjuangan mereka untuk apa-apa sebab atas prinsip-prinsip. Tanpa prinsip-prinsip asas yang mana betul dan salah, tiada perjuangan akan dapat pergi lebih jauh.

Sebagai contoh, jika perjuangan seseorang itu ialah untuk menggalakkan dan mengukuhkan keunggulan etnik, apakah yang akan menjadi premis teras ideologi yang akan menarik orang yang berfikiran wajar? Jika perjuangan seseorang itu ialah untuk memastikan bantuan Kerajaan diperuntukkan kepada semua orang tanpa mengira bangsa, apakah yang akan menjadi premis teras ideologi untuk berbuat demikian? Oleh itu, menyematkan ideologi ialah satu kemestian. Kerana keadaan semula jadi manusia ialah kebebasan, teras ideologi kita mestilah tentang hak – hak-hak asasi manusia.

Bertahun yang lalu, pelbagai budaya dan agama menyentuh tentang konsep ‘hak’ tetapi bukan dengan cara yang kita tahu pada masa kini. Kita diajar untuk mencintai yang sakit, membantu golongan miskin dan menentang orang jahat. Kita dipanggil untuk melawan ketidakadilan, mengawal keinginan diri untukkekayaan material dan menghukum yang kejam.

Hari ini, kebebasan telah diterjemahkan ke dalam bahasa undang-undang sebagai ‘hak’. Ini ialah perlu kerana terdapat mereka yang berkuasa yang mahu mengubah keadaan semulajadi manusia dengan mengekang dan membentuk semula kebebasan kita untuk kepentingan peribadi atau politik mereka, seterusnya membawaikan kesan buruk kepada orang-orang yang mereka pandang sebagai ‘lebih rendah’.

Bahasa hak asasi manusia hari ini asalnya bermula daripada pergerakan hak asasi manusia moden yang boleh dijejak kembali ke akhir Perang Dunia II pada tahun 1945. Kejutan dan keseraman kekejaman rejim Nazi mendorong prinsip-prinsip kesaksamaan dan bukan diskriminasi untuk mendapat perhatian orang ramai.

Pada tahun 1945, Piagam PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) sekali lagi menegaskan kepercayaan terhadap hak asasi manusia dan maruah serta nilai diri seseorang manusia. Diisyiharkan pada tahun 1948, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) - boleh dikatakan

instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang paling penting - menyedari bahawa maruah dan hak-hak yang sama dan tidak terasing daripada semua ahli keluarga manusia ialah atas kebebasan, keadilan dan keamanan dunia. Tiada diskriminasi patut diamalkan atas sebab-sebab etnik, jantina, bahasa, agama, pandangan politik, asal-usul bangsa keturunan atau sosial, kelahiran atau status lain.

Yang tidak dibicarakan ialah walaupun gerakan hak asasi manusia moden ialah agak muda, ia telah mencapai kejayaan besar termasuk mengalahkan aparteid dan totalitarianisme, membebaskan tahanan ditahan tanpa bicara, dan secara sistematik menyediakan makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan bagi mereka yang memerlukan. Tetapi kita tidak harus lupa bahawa banyak konsep-konsep hak asasi manusia sebelum ini telah dinyatakan dan ditakrifkan dalam cara yang berbeza oleh agama dan budaya tamadun yang lalu. UDHR ini merangkumi banyak konsep-konsep ini. Kita mesti tidak boleh melupakannya.

Masih ada sesetengah yang berniat jahat berhujah bahawa hak asasi manusia ialah anti-budaya dan anti-agama. Dakwaan ini salah. Untuk setiap hak di bawah UDHR, seseorang mampu untuk mencari satu penerangan yang berpadanan dalam budaya dan agama, dan mungkin lebih. Memandangkan keadaan semasa, hak asasi manusia dalam realiti melindungi kepelbagaian budaya dan agama terutamanya yang diamalkan oleh kumpulan minoriti dalam pelbagai masyarakat.

Aktivis yang mempunyai ideologi akan mendapati bahawa ada tiga prinsip utama hak asasi manusia yang boleh diusahakan.

Pertama, hak asasi manusia ialah universal. Hak ialah milik semua orang, tidak kira anda siapa atau di mana atau apa jenisnya. Ia sering dihujahkan bahawa hak ialah relatif; pengkritik menyebut perbezaan serantau dan menegaskan bahawa konsep hak asasi manusia ialah kebaratan, konsep borjuis umumnya tidak boleh diaplikasikan kepada budaya atau agama tertentu. Konsep relativisme ini – yang mana standard yang berbeza digunakan ke atas orang yang berbeza - hampir-hampir menyetuju dengan pendapat bahawa terdapat adanya manusia yang berstatus lebih rendah daripada kita.

Dalam #IdolaDemokrasi Gameshop UndiMsia!, kami mempunyai modul ‘Kapal Angkasa’ di mana rakyat Malaysia diminta untuk menyenaraikan lima perkara yang mereka akan bawa ke dunia yang baru jika Bumi dimusnahkan hari ini. Setiap kali, pilihan yang akan termasuk ialah makanan, air dan pakaian untuk hidup di dunia baru. Apabila dipecahkan, kita sebagai manusia perlu perkara-perkara tertentu untuk hidup dan perkara-perkara ini kini telah dikenali sebagai ‘hak asasi manusia’. Modul seperti ini telah dilakukan dan diuji oleh kumpulan-kumpulan masyarakat yang lain iaitu dengan peserta dari Eropah, Amerika Selatan dan Afrika, dan senarai mereka secara konsisten bersesuaian dengan senarai peserta Malaysia.

Apa latihan mudah ini tunjukkan ialah bahawa prinsip utama hak asasi manusia ialah betul: di seluruh dunia di mana sahaja seseorang itu datang, hak asasi manusia ialah standard minimum layanan yang manusia berhak dapat. UDHR menetapkan prinsip ini, bukan sahaja pada nama, tetapi juga dalam mengisyiharkan standard pencapaian oleh seluruh umat manusia di semua negara ialah sama.

Memang perlu diakui, dalam penggunaan piawaian hak asasi manusia, Kerajaan mempunyai ‘margin pengecualian’ untuk berurusan dengan norma-norma sosial dan syarat-syarat tertentu tetapi mereka tidak boleh melanggar atau berada di ‘tahap yang lebih rendah’ daripada tahap minimum yang ditetapkan oleh UDHR. Dari segi ini, budaya dan agama ialah untuk mempengaruhi pengaplikasian hak asasi manusia dan memperkayakan idea hak-hak di dalam masyarakat tertentu, dan bukannya merosakkannya.

Kedua, hak asasi manusia tidak boleh diasingkan. Hak tidak boleh diambil daripada kita kerana ia tidak diberikan kepada kita oleh sesiapa sahaja. Dalam kata lain, kita dilahirkan dengan hak-hak ini. Sesetengah hak tidak boleh dirampas seperti hak untuk hidup dan kebebasan daripada penyeksaan. Hak-hak yang lain sepertinya tidak boleh dikompromi kecuali dalam keadaan tersepit seperti ditakrifkan oleh undang-undang, mengejar matlamat sah dan tidak melebihi tahap yang diperlukan dalam masyarakat yang demokratik. Banyak negara-negara bertamadun kini mempunyai Perlembagaan sendiri menyatakan hak-hak

tersebut supaya kerajaan dan rakyat bertindak untuk menghormati, melindungi, memenuhi dan meningkatkan hak-hak tersebut.

Ketiga, hak asasi manusia secara normatif tidak boleh dibahagikan dan saling bergantung fungsinya. Hak-hak sivil dan politik di satu pihak - juga dikenali sebagai hak 'negatif' dalam erti kata bahawa pematuhan terletak pada melarang gangguan oleh kerajaan - dan hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan di pihak yang lain - juga dikenali sebagai hak 'positif' dalam erti kata bahawa kerajaan secara beransur-ansur perlu menyediakannya kepada rakyat - tidak boleh dipisahkan.

Mereka tidak boleh memilih untuk mengutamakan sesebuah hak berbanding dengan yang lain dengan menggunakan hujah biasa 'nilai Asia' yang kita perlu memberi fokus kepada pembangunan ekonomi terlebih dahulu sebelum berjuang untuk kebebasan bersuara. Jose Diokno, seorang peguam hak asasi manusia dan merupakan bekas Setiausaha Kehakiman di Filipina, dengan tepat menyatakan dan kami memetiknya: "Benar, seorang lelaki lapar tidak mempunyai banyak kebebasan untuk memilih. Tetapi juga benar, apabila seorang lelaki yang cukup makan tidak mempunyai kebebasan pilihan, dia tidak boleh melindungi dirinya daripada kelaparan." Jika seseorang itu lapar, kebebasan bersuara kurang penting untuknya jika dia tidak mempunyai tenaga untuk membantah. Tetapi jika tidak ada kebebasan untuk bercakap, siapa yang akan tahu jika seseorang itu lapar apabila hari tersebut tiba?

Kami berpendapat bahawa sebarang bentuk aktivisme yang berdasarkan sistem nilai hak asasi manusia akan berakar baik, kuat, progresif dan semestinya berperikemanusiaan.

### **Yang Beremosi**

Beccaria dalam *Of Crimes and Punishment* (1764) pernah berkata bahawa "jika, dengan mempertahankan hak-hak manusia dan kebenaran tegar, saya perlu membantu menyelamatkan beberapa mangsa daripada celaka kezaliman, atau paling tidak, kejahilan yang terlampau, daripada kekejangan dan penderitaan kematian, rasa terima kasih dan air mata

kegembiraan hanya seorang manusia yang tidak bersalah itu akan memujuk saya dalam menghadapi penghinaan seluruh umat manusia”.

Ideologi tanpa emosi ialah tidak lengkap untuk aktivisme. Emosi untuk menjaga orang lain membuat seorang aktivis itu berpijak dibumi yang nyata. Kenapa menjadi aktivis? Mengapa aktivisme? Layan orang lain seperti apa yang anda mahu dilayan. Tanpa menggunakan bahasa hak yang rasmi, ianya ialah kerana terdapat pengadu, mangsa dan mangsa yang terselamat yang menderita, yang memerlukan bantuan dan mencari keadilan. Mereka mengatakan bahawa hak-hak mereka telah dicabuli dan anda melihatnya juga. Dan anda dapat membantu dan mahu melakukan sesuatu mengenainya.

Aktivis mengambil berat bagi orang yang terlibat, dan mesti berusaha untuk melengkapkan dirinya dengan cerita peribadi orang itu. Ia memerlukan aktivis yang emosional untuk mendengar dengan berkesan - bukan sahaja mendengar - dengan cara perbualan dan temu bual serta melihat masalah ini sebagai satu bentuk penderitaan manusia yang aktivis tidak mahu menimpa dirinya. Ia juga akan memerlukan ciri-ciri ‘cinta’ umumnya untuk dipamerkan, iaitu, belas kasihan, kesabaran dan kelembutan.

Kempen-kempen melobi yang lebih berkesan ialah di mana aktivis membina satu kajian kes atau profil mengenai orang yang menderita dan kesan terhadapnya atau keluarga dan rakan-rakannya. Dengan membangkitkan komposit cerita peribadi yang menyentuh hati orang lain, ianya lebih mudah untuk menghubungkan masalah tersebut kepada mereka yang aktivis perlukan untuk mendapatkan sokongan besar-besaran. Ini akan memerlukan penghubungan cerita orang itu dengan cara yang paling mudah lagi menyayat hati tanpa memutarbelitkan fakta. Ia adalah satu taktik yang kuat dalam aktivisme.

### **Yang Berfungsi**

Mengamalkan sistem nilai hak dan kemudian mengandaikan diri berada dalam keadaan mereka yang menderita ialah penting dalam memahami tanggungjawab anda dan peranan yang anda mainkan sebagai seorang

aktivis untuk tindakan yang berkesan. Mempunyai hak-hak akan melahirkan tanggungjawab, kerana dengan kuasa yang besar datang tanggungjawab yang besar.

Seseorang boleh mempunyai hak untuk bersuara, tidak kira bagaimana hina atau tidak masuk akal kenyataan berkenaan, dan hak itu tidak harus disebat oleh Kerajaan kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu seperti jika kenyataan itu ialah panggilan kepada perperangan atau merupakan hasutan yang mencetus keganasan. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan hak, seseorang itu perlu sedar tentang kesan daripada ungkapannya terhadap komuniti-komuniti yang lain yang mungkin tidak berkongsi pandangan yang sama. Begitulah halnya dengan kartun Nabi Muhammad (s.a.w), dimana walaupun gambaran tersebut ialah penjalan hak untuk bersuara, namun pada prasangka keagamaan, kartun tersebut ialah kurang ajar dan melampaui batas. Ia akan menjadi lebih baik sekiranya kartun tersebut tidak diterbitkan.

Perkara 29 UDHR memberitahu kita bahawa semua orang mempunyai kewajipan terhadap masyarakat dengan cara yang boleh membawa perkembangan bebas dan penuh berkemungkinan personalitinya. Begitu juga, Perkara 29 Piagam Afrika mengenai Hak Asasi Manusia dan Rakyat diterima pakai pada tahun 1981 mengabadikan kewajipan oleh individu atau kepada keluarganya, masyarakat negara, negara dan nilai-nilai positif budaya Afrika. Sekatan hak seseorang dalam bidang-bidang tertentu seperti kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan ialah dibenarkan hanya jika perlu atas dasar moral, ketenteraman awam dan keselamatan negara di mana kemudaratannya kepada masyarakat mengatasi faedah dalam menjalankan hak individu.

Ia adalah tanggungjawab aktivis yang berfungsi berdasarkan ideologi hak untuk menentukan sama ada perjuangan tindakan tertentu perlu diambil atau tidak, dan jika kemudaratannya kepada masyarakat melampaui manfaat. Pada dasarnya, dalam menghentikan suatu pencabulan hak, aktivis perlu pastikan mereka tidak mencabul hak-hak yang lain. Hak seseorang tidak boleh dilihat secara berasingan dari seluruh masyarakat dan tanggungjawab sebagai aktivis ialah untuk sebaik mungkin memastikan semua hak-hak berkenaan dihormati dan dilindungi.

Punca masalahnya mungkin ialah salah faham tentang visi hak asasi manusia kerana ia tidak bertujuan untuk menyakitkan, tetapi untuk melindungi. Ia bukan satu kebenaran penuh untuk tingkah laku yang menyakitkan hati atau yang melampau tetapi semata-mata untuk menetapkan satu tanda aras minimum. Apabila standard dipatuhi, akan jarang adanya aduan.

Abad yang lalu pada tahun 1789, Deklarasi Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Rakyat Perancis mentakrifkan kebebasan sebagai kebebasan untuk melakukan apa sahaja tanpa mencederakan orang lain. Definisi ini memanggil kita untuk sentiasa mengimbangi antara punca kita berjuang untuk aktivisme dengan bagaimana kita mempengaruhi pelbagai masyarakat; sama ada dengan positif atau merugikan mereka. Berlapis dengan cadangan kami tadi tentang tanggungjawab – selepas aktivis berideologi dan beremosi telah memutuskan untuk bertindak ke atas sesuatu perjuangan – ialah persoalan peranan aktivis itu. Dipam dengan adrenalin yang pesat mengalir di dalam urat darah, aktivis yang berfungsi membolehkan tindakan berlaku.

Ungkapan ‘berjuang untuk hak’ apabila dicari di Google menunjukkan banyak imej penunjuk perasaan mengibarkan sepanduk, menjerit slogan, berarak di jalan-jalan dan menubuhkan kem di kawasan awam seperti di Wall Street dan Dataran Merdeka. Peranan yang dimainkan oleh penunjuk perasaan ini sebagai ‘Pemberontak’ sebagaimana yang ditakrifkan oleh Bill Moyers Melakukan Demokrasi: Model MAP untuk menganjurkan Pergerakan Sosial. Moyers menulis bahawa terdapat empat peranan yang berbeza yang aktivis perlu mainkan - ‘Pemberontak’, ‘Reformis’, ‘Ejen Perubahan’ dan ‘Rakyat’.

Dengan apa yang harus terjadi, dan dengan berterusan menyuarakan Tidak! kepada pencabulan hak walaupun ia bermakna mempertaruhkan nyawa dan anggota badan. Ini berbeza dengan Reformis yang bekerja dalam sistem dengan melibatkan diri dalam dialog dengan pemegang-pemegang kuasa dan pembuat dasar melalui proses Parlimen dan undang-undang untuk membawa perubahan. Ejen Perubahan mendidik dan memperkasakan dengan menggalakkan nilai dan penyelesaian baru dalam menangani masalah dan menggerakkan masyarakat

untuk sokongan besar-besaran. Rakyat mendukung nilai-nilai positif masyarakat yang baik dan meminjamkan bantuan kepada gerakan-gerakan sosial untuk memberi pengiktirafan kepada mereka semasa menentang perubahan drastik dan ganas.

Apabila menimbangkan peranan kita sebagai aktivis, ia berguna untuk bertanya apa peranan yang kita mahu mainkan atau apa peranan yang kita boleh mainkan dengan berkesan. Setiap peranan penting dan pergerakan aktivisme sosial biasanya mencapai kejayaan apabila empat peranan yang bersepadan dilaksanakan oleh aktivis.

Aktivis yang bercita-cita tinggi dan berbakat yang pelbagai mungkin dapat memainkan sehingga empat peranan pada suatu masa dalam gerakan. Gandhi sebagai contoh memainkan peranan Pemberontak apabila beliau mengetuai Perarakan Garam pada tahun 1930 dan memainkan peranan Reformis apabila beliau duduk dengan pihak British untuk berusaha ke arah kemerdekaan India. Majlis Peguam memainkan peranan Reformis dalam penggubalan undang-undang alternatif kepada Akta Perhimpunan Aman dan cuba untuk menjayakannya. Ia memainkan peranan Pemberontak apabila berarak untuk membantah Akta yang sama di Perarakan Untuk Kebebasan pada 29 November 2011.

Ramai jatuh ke dalam perangkap kerana menganggap aktivisme hanyalah berkenaan dengan menjadi Pemberontak. Ramai yang takut atau tidak mahu menjadi Pemberontak maka kerana itu mempercayai bahawa mereka tidak boleh menjadi aktivis. Ini tidak benar. Pemberontak memenuhi hanya salah satu daripada empat peranan dalam aktivisme. Anda mungkin lebih cenderung ke arah satu peranan berbanding peranan yang lain; dan dalam amalan, aktivis boleh memainkan kesemua empat peranan di pelbagai peringkat gerakan. Setiap peranan perlu menyokong satu sama lain. Kita perlu menyokong setiap orang yang memainkan peranan yang berbeza, dan melihat tindakan semua sebagai tindakan kolektif.

Kita perlu mereka yang akan memboikot, menduduki (*occupy*), membantah dan berdemonstrasi untuk membawa isu-isu ke hadapan supaya menimbulkan kesedaran masyarakat dan mendorong kita

untuk bertindak (Pemberontak). Kita perlu kumpulan-kumpulan seperti Majlis Peguam, Gerakan Mansuhkan ISA dan BERSIH untuk menyelidiki, menyiarkan laporan, mendorong cadangan dan pelobi Ahli Parlimen untuk reformasi (Reformis). Kita perlu pergerakan seperti PerlembagaanKu untuk berkempen dan mewujudkan kesedaran awam mengenai Perlembagaan Persekutuan, UndiMsia! untuk memperkasakan dan mengaktifkan masyarakat untuk mengambil tindakan dan LoyarBurok yang berkesan sebagai platform dalam talian untuk mempromosi, melindungi dan mempertahankan kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat (Ejen Perubahan). Ada peranan untuk anda dan semua orang, hanya jika kita mencari dalam diri kita dengan lebih dalam.

### **Aktivisme Lakukan-sendiri**

Aktivis harus mengetahui hak-hak untuk menggerakkan perjuangan yang berdasarkan hak asasi manusia, menceritakan kisah peribadi mereka yang teraniaya dan mengambil tindakan langsung tanpa keganasan yang berkesan untuk mengalah atau memindahkan tunggak-tunggak dan keseimbangan kuasa daripada penindas (yang biasanya pemegang kuasa).

Kita mesti sedar bahawa tindakan langsung tanpa keganasan bukanlah pengganti bagi kaedah lain dalam melaksanakan perubahan tingkah laku. Menjalankan kempen dengan menghantui pegawai-pegawai, memulaukan acara, menunjuk perasaan di jalan-jalan mestilah dilengkapi dengan kes-kes perbicaraan di mahkamah dan menggubal undang-undang yang adil dan mengubah yang tidak adil. Kami berpendapat bahawa buat kali pertama selepas 55 tahun demokrasi terkawal Malaysia, kita telah melihat jenama ‘politik gotcha’ yang diwujudkan sewaktu pergerakan Reformasi dan kini telah membuat satu pusingan penuh dan dinyalakan semula sepuluh tahun kemudian oleh gerakan BERSIH. Rakyat tidak lagi takut kepada Kerajaan dan jenteranya, apatah lagi dengan gas pemedih mata dan meriam air, dan ini merupakan satu penghormatan kepada kebanyakan yang telah ditangkap, didakwa dan dianiaya kerana mempertaruhkan nyawa mereka untuk mendapatkan hak yang lebih besar dan demokrasi yang lebih bermakna.

Kami berkesimpulan bahawa anda membaca Toolkit ini dengan harapan bahawa ia akan memperkasakan anda. Anda tidak boleh bergantung semata-mata kepada orang lain untuk memperkasakan anda dan anda tidak perlu orang lain untuk memperkasakan anda. Sebagai anak muda, anda tidak membawa bebanan sejarah seperti generasi tua dan tidak dihantui oleh hantu masa lalu yang terlalu banyak. Anda boleh membincangkan isu-isu yang diajar yang tidak boleh dibincangkan sehingga kini dan anda mampu untuk melahirkan idea yang mungkin tidak pernah dibayangkan sebelum ini. Ia adalah terlalu mudah untuk menjadi pengkritik kerusi empuk dan terlalu mudah untuk menjadi aktivis Twitter atau Facebook, tetapi yang sebenarnya, klik ‘Like’ atau tweet semula sesuatu tweet tanpa apa-apa tindakan tambahan ialah tidak mencukupi jika apa yang anda cuba lakukan ialah untuk membuat perubahan sebenar.

Mempunyai matlamat yang mulia, visi yang jelas dan matlamat yang boleh dicapai sahaja tidak mencukupi. Sebaik sahaja anda mampu untuk membentuk pengertian tiga komponen ideologi, emosi dan fungsi, anda perlu tanya apa yang anda boleh lakukan sebagai seorang aktivis untuk menangani masalah tertentu yang memerlukan penyelesaian? Kami mencadangkan langkah-langkah seterusnya dengan menggunakan:

- #ProblemTree: Senaraikan punca-punca dan akibat masalah yang anda sedang cuba selesaikan;
- Analisis #BigPicture: senaraikan aliran pengaruh di kalangan pihak-pihak berkepentingan seperti institusi-institusi kebangsaan atau tempatan dan pemegang-pemegang kuasa yang berkaitan dengan rakyat, dan bertanya di manakah tunggak-tunggak kuasa berada; dan
- #ActionPyramid: senaraikan sasaran yang memanggil anda untuk mengubah tingkah laku, objektif, permintaan atau mesej aktivisme anda, strategi-strategi yang akan dilaksanakan, tindakan langsung tanpa keganasan untuk memenuhi objektif anda, permintaan atau mesej dan taktik untuk membuat tindakan anda boleh dipercayai, berterusan, berkesan dan efektif.

Alat untuk melaksanakan langkah yang kritikal di atas ialah sebahagian daripada gerakan utama UndiMsia! #IdolaDemokrasi GameShop, dan UndiMsia! akan berbesar hati untuk memudahkan pembelajaran anda dan membantu anda mewujudkan satu pelan tindakan yang komprehensif untuk tujuan yang anda ingin juarai.

Akan tiba suatu hari nanti dimana tiada siapa lagi memerlukan aktivis atau aktivisme kerana tidak ada masalah di dunia untuk dihadapi. Tetapi pengakhiran itu masih jauh.

Anda harapan negara kita. Banyak yang anda boleh berikan. Anda masa depan Malaysia.

Masa untuk bercakap dan mengadu sudah berakhir. Ia masa untuk BERTINDAK. Sekarang.

Bebaskan minda anda dan perkasakan diri anda. Kami berharap anda dapat yang terbaik!

# Bab

# 5

SUMBER  
UNTUK  
BACAAN  
DAN  
TINDAKAN  
SELANJUTNYA



**Alinsky, Saul D.** 1971. Rules For Radicals: A Pragmatic Primer For Realistic Radicals (1989 ed). Vintage Books.

---

**Arendt, Hannah.** 2005. The Promise Of Politics. Schocken Books.

---

**Chomsky, Noam.** 2012. Occupy. Penguin.

---

**Forgacs, David, ed.** 2000. The Gramsci Reader: Selected Writings 1916-1935. New York University Press.

---

**Freire, Paulo.** 1970. Pedagogy Of The Oppressed (trans. Myra Bergman Ramos, 30th anniversary ed). Continuum.

---

**Gitlin, Todd.** 2003. Letters To A Young Activist. Basic Books.

---

**Global Nonviolent Action Database** [nvdatabase.swarthmore.edu](http://nvdatabase.swarthmore.edu)

---

**Helvey, Robert L.** 2004. On Strategic Nonviolent Conflict: Thinking About The Fundamentals. The Albert Einstein Institution.

---

**Hoffer, Eric.** 1951. The True Believer: Thoughts On The Nature of Mass Movements (re-issued 2010). Harper Perennial.

---

**International, Amnesty.** 1997. Campaigning Manual (2nd ed). Amnesty International Publications.

---

**Keane, John.** 2009. The Life And Death Of Democracy. Pocket Books.  
Malaysian Federal Constitution. 1957.

---

**Millado, Carmela and Jo Hann Tan, eds.** 1997. A Training Manual For Community-Organiser Facilitators. Southeast Asia Popular Communications Programme and Pusat Komunikasi Masyarakat.

---

**Moyer, Bill, JoAnn McAllister, Mary Lou Finley and Steven Soifer.** 2001. Doing Democracy: The MAP Model For Organizing Social Movements. New Society Publishers.

---

**Organizing For Power** [www.organizingforpower.wordpress.com](http://www.organizingforpower.wordpress.com)

---

**Rock The Vote** [www.rockthevote.com](http://www.rockthevote.com)

---

**Ruggiero, Vincenzo and Nicola Montagna, eds.** 2008.

Social Movements: A Reader. Routledge.

---

**Schutz, Aaron and Marie G. Sandy.** 2011. Collective Action For Social Change: An Introduction To Community Organizing. Palgrave Macmillan.

---

**Sharp, Gene.** 1990. The Role Of Power In Nonviolent Struggle. The Albert Einstein Institution.

---

**Sharp, Gene.** 2002. From Dictatorship To Democracy: A Conceptual Framework For Liberation (4th ed). The Albert Einstein Institution.

---

**Sharp, Gene.** 2005. Waging Nonviolent Struggle: 20th Century Practice And 21st Century Potential. Porter Sargent.

---

**Sharp, Gene.** 2010. Self-Liberation: A Guide To Strategic Planning For Action To End A Dictatorship Or Other Oppression. The Albert Einstein Institution.

---

**Smith, Sharon J.** 2011. The Young Activist's Guide To Building A Green Movement + Changing The World. Ten Speed Press.

---

**Tan, Jo Hann.** 2005. SEAPCP Art of C.O. Pusat Komunikasi Masyarakat and Southeast Asia Popular Communications Programme.

---

**Tan, Jo Hann.** 2005. Popular Communications Facilitation: A Training Booklet For Community Organisers & NGO Facilitators. Southeast Asia Popular Communications Programme.

---

**The Center For Nonviolent Communication** [www.cnvc.org](http://www.cnvc.org)

---

**The Change Agency** [www.thechangeagency.org](http://www.thechangeagency.org)

---

**The Ruckus Society** [www.ruckus.org](http://www.ruckus.org)

---

**Training For Change** [www.trainingforchange.org](http://www.trainingforchange.org)

---

**Turning The Tide** [www.turning-the-tide.org](http://www.turning-the-tide.org)

---

**Universal Declaration of Human Rights.** 1945.

---

**Weiss, Meredith L. and Saliha Hassan, eds.** 2003. Social Movements In Malaysia: From Moral Communities To NGOs. RoutledgeCurzon.

---

**Wimsatt, William Upski. 2010.** Please Don't Bomb The Suburbs: A Midterm Report On My Generation And The Future Of Our Super Movement. Akashic Books.

---

**Wong, Chin Huat and Oon Yeoh. 2008.** "A Tale Of Two Malaysias." in March 8: Time For Real Change. Marshall Cavendish.

---

**Zee, Bibi van der.** 2010. The Protestor's Handbook. Guardian Books.

---



LAM-

PI-

Ran

## LAMPIRAN A

---

### **1. BERITA KILAT PENTING: LOYARBUROK BUKAN HANYA BLOG! SERTAI ANGKATAN MEREKA!**

*Liam Hanlon menulis mengenai #LBrak yang boleh didapati di LoyarBurok.com. Diposkan pada 1 Mac, 2011.*

Pada percutian hujung minggu yang panjang LoyarBurok (LB) mendedahkan bahawa LB bukan sekadar blog, atau kumpulan aktivis longgar. Ia merupakan misi yang lebih besar dan yang lebih kuat, untuk mendidik para pengundi Malaysia dan menggalakkan penglibatan sivik, dengan harapan untuk menggalakkan kebertanggungjawaban dalam proses politik.

26 - 27 Februari, Melaka - Memandu naik di lereng bukit yang berdebu El Sanctuary, ke rumah seperti komune LoyarBurok untuk hujung minggu yang terletak di sebuah kampung yang 20 kilometer dari luar Pusat Bandaraya Melaka, saya memikirkan soalan yang kemudiannya saya dapati bermain di minda kebanyakan ahli LoyarBurok: apakah LB? Adakah ia hanya satu blog aneh dan provokatif? Adakah ia satu kumpulan peguam yang ingkar dan mencari sedikit pengubat? Apakah matlamat jangka panjangnya? Atau adakah ia hanya satu gerakan berbahaya yang membawa sedikit jenaka kepada isu-isu lain yang serius, yang biasanya terpelihara dari sikap kurang sopan.

Apa yang saya telah belajar sepanjang marathon dua hari ini ialah LB mendapat kuasanya daripada semua sifat dan fungsi ini, dan banyak lagi, tertumpu bersama untuk mewujudkan satu ribut sempurna yang mempunyai potensi untuk memberi kesan yang besar. Dan perubahan ini tidak semata-mata berkaitan dengan arena undang-undang atau perbincangan hak asasi manusia berterusan, seperti anggapan ramai orang, sebaliknya, ia merangkumi pendidikan sivik dan kuasa yang meluas. Terutamanya, ia akan membantu memupuk anjakan paradigma dalam

cara rakyat biasa melihat peranan mereka dalam politik, dan pilihan-pilihan yang ada pada mereka untuk memberi kesan kepada perubahan.

Kumpulan yang pertama kali diadakan untuk menetapkan jangkaan mereka untuk hujung minggu, dan begitu juga harapan mereka untuk misi LB ini. Proses ini telah dipenuhi dengan soalan-soalan terbuka mengenai objektif LB dan inisiatif untuk mencapai matlamat ini. Sudah tentu, terdapat idea-idea yang berbeza mengenai peranan LB, kerana ia terdiri daripada kumpulan yang pelbagai, dari pencinta alam sekitar kepada peguam korporat, pelajar kepada penggiat-penggiat NGO, dan sudah tentu, yang tidak berapa bekerja, nama yang saya tempah khas untuk diri sendiri.

Walaupun dengan perbezaan-perbezaan ini, kesemuanya ialah ahli LoyarBurok, dan berterusan menghadiri latihan, disebabkan kekecewaan: ada sesuatu yang jauh menyimpang dengan cara rakyat Malaysia melihat peranan mereka dalam politik dan bagaimana mereka melibatkan diri dalam proses politik. Kadang-kadang rakyat mungkin merasa dipinggirkan dan dengan itu kekurangan motivasi untuk mencabar wakil mereka, pada masa yang lain mereka diperdayakan oleh ahli-ahli politik yang menekankan pergabungan parti dan janji-janji tanpa perancangan pada masa pilihan raya, dan bukannya isu-isu substantif, yang lain dengan sewenang-wenangnya ditawarkan keadaan ekonomi yang lebih baik sebagai pertukaran untuk undi mereka. Tidak kira apa cara yang digunakan, apa yang mereka mahu masih sama. Ahli-ahli politik hanya bertanggungjawab untuk dasar-dasar mereka dan jarang bertindak balas terhadap keimbangan sebenar pengundi-pengundi mereka. Amalan politik berterusan, dan konsep ‘kesia-siaan dalam penglibatan sivik’ berterusan dalam masyarakat ini.

Ketika hujung minggu diteruskan, dan bengkel mula menampakkan diri ke dalam bentuk penyelesaian, ahli-ahli LoyarBurok mula mendapat matlamat yang jelas tentang bagaimana untuk menangani masalah sikap tidak peduli politik. Penyokong kumpulan-kumpulan pleno ini dan sesi sumbang saran teka-teki yang kritikal: menghubungkan prinsip politik abstrak kepada masalah-masalah konkret yang dihadapi rakyat biasa. Ini ialah pokok masalah, seperti yang disimpulkan oleh kebanyakan ahli-ahli LoyarBurok. Pendidikan pengundi perlu difokus

dan dirangka dengan cara yang menekankan isu-isu ketara yang semua orang di negara ini boleh kaitkan, bukan semata-mata dikhaskan untuk masyarakat bandar yang menikmati martini epal sambil menikmati pemandangan dari tempat tinggi di KL Skybar.

Kempen ini mestilah dimulakan dari asas, yang merangkumi pendekatan kerjasama dan penyertaan yang menyuarakan kebimbangan pengundi. Tanpa pemikiran ini, inisiatif mungkin akan gagal untuk mencapai penonton yang dimaksudkan - pengundi - dan satu lagi percubaan sia-sia oleh masyarakat sivil yang dianggap terlalu elitis.

Ini berkaitan dengan kesimpulan kedua LB dari perjumpaan hujung minggu ini: mendengar sebelum bercakap. Sering kali, kempen NGO gagal mencapai matlamat mereka kerana mereka cenderung untuk melupakan hakikat yang mudah bahawa rakyat tahu apa yang paling mereka perlukan dan masalah yang paling mendesak bagi mereka. Mereka tidak perlu organisasi luar menetapkan kepada mereka apa yang mereka perlu bimbangkan dan bagaimana mereka harus menyelesaikannya.

LB memahami bahawa sebelum memulakan inisiatif pendidikan pengundi, anda mesti tahu apa yang sedang melanda pengundi yang anda cuba capai. Ia penting untuk mengadakan perbincangan ini supaya rakyat merasakan dirinya sebahagian daripada proses tersebut. Apa gunanya menggalakkan penglibatan sivik jika anda tidak terlebih dahulu berunding dengan rakyat yang anda cuba untuk libatkan? Sama ada melalui mesyuarat dewan bandar, dialog atas talian atau mencari fakta misi, LoyarBurok mengakui bahawa rakyat mesti didengar sebelum mereka dihubungi.

Bahagian yang penting ketiga daripada persamaan ini ialah persediaan tentera LoyarBurok. Tanpa kumpulan yang komited, berpengalaman dan inovatif untuk menerajui konsep tersebut, kempen ini ialah impian semata-mata. Tetapi saya memberi jaminan kepada anda, LoyarBurok tidak dilanda kekurangan ini. Sebaliknya, mereka mempunyai lebih pengikut yang pelbagai dan berdedikasi, masing-masing membawa kepakaran mereka sendiri untuk perjuangan ini. Dan kekuatan tentera LB berkuasa penuh di Melaka hujung minggu ini, membuatkan ia sangat jelas bagi saya bahawa kempen ini ialah benar.

Tahap kematangan dan semangat dalam perbincangan hujung minggu ini, dicampurkan lagi oleh kepelbagaiannya kumpulan itu, ialah sesuatu yang saya tidak pernah lihat sebelum ini. Ia benar-benar terjadi luar biasa, walaupun untuk hujung minggu, sebahagian daripada kumpulan ini, dan menyaksikan potensi yang LoyarBurok punyai. Bila-bila masa anda boleh mendapatkan peguam bela dari Sarawak bekerjasama dengan peguam Petronas, anda tahu anda telah dapat sesuatu yang istimewa.

Malah, kumpulan hujung minggu ini memberi kesan kepada saya sehingga saya benar-benar telah memutuskan untuk mencuba dan menangguhkan Program Master saya di London untuk setahun, dan tinggal di sini untuk menjadi menyertai gerakan LB. Saya tidak dapat bayangkan mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam inisiatif pendidikan pengundi LB, dan sudah pasti transformasi sivik yang akan ditimbulkan, dan diteruskan. Walaupun LB boleh memanfaatkan separuh daripada potensinya, saya fikir ia pasti bersedia untuk memberi impak yang besar.

Jadi ya, LoyarBurok ialah sebuah blog. Ia satu kumpulan peguam dan aktivis yang ingin memberikan sedikit kelegaan komedi kepada gejala hidup. Ia satu platform untuk advokasi. Tetapi ia juga ialah sesuatu yang lebih menyeluruh dan konkret. Ia merupakan satu gerakan untuk membantu pengundi membuat pilihan berdasarkan maklumat dan relevan tentang ahli-ahli politik yang mereka pilih. Ia usaha untuk mengembalikan kuasa politik ke tangan pemilik yang sah - rakyat - melalui kuasa undi. Ia satu kempen yang akan mengubah idea penglibatan sivik di Malaysia. Ia sesuatu yang mana, jika anda belum lagi, anda perlu untuk melibatkan diri.

---

## **2. LOYARBUROK: EJEN PERUBAHAN**

*Mula diterbitkan dalam The Star, ini renungan Zain HD dalam #LBrak yang diadakan pada 26 - 27 Februari, 2011 yang boleh didapati di LoyarBurok.com. Di poskan pada 3 Mac, 2011.*

Saya menulis rencana ini dari Retreat LoyarBurok yang pertama di Melaka di mana 32 orang - 'LoyarBurokkers' - telah datang berkumpul selama dua hari.

LoyerBurok ialah platform untuk perbincangan intelektual dan kritikal, di mana rakyat Malaysia boleh berkongsi penulisan mereka di blog dan pandangan melalui e-mel kumpulan. Perhimpunan di Rumbia ini mengambil beberapa wacananya di luar talian.

Selain ‘memerah otak’, ianya satu keseronokan untuk berada di dalam perbincangan dengan ramai orang yang baik di dalam ‘ruang yang selamat’, di mana semua orang boleh bercakap tanpa dinilai. Lagipun, ramai rakyat Malaysia yang sering berfikir tentang makanan, tetapi sedikit tentang rakyat mereka. Hakikatnya, seperti makanan yang baik, orang yang baik juga wujud. Kumpulan yang hadir di wacana harmoni inilah buktinya.

Antaranya ialah peguam hak asasi manusia Edmund Bon.

Bagi saya, apa yang lebih penting daripada kerja-kerja beliau berurus dengan tahanan ISA ialah aktiviti-aktiviti ‘kurikulum tambahan’ dan inisiatif seperti kempen MyConsti yang bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai hak asasi mereka dan kebebasan awam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

Edmund ialah salah seorang daripada pengasas LoyerBurok, dan beliau baru-baru ini memperkenalkan PusatRakyatLB – Pusat Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia Malaysia - yang akan dilancarkan bulan ini.

Pusat ini akan berfungsi sebagai pendekatan pertama LoyerBurok secara fizikal untuk menyediakan platform bagi rakyat Malaysia untuk digunakan bagi latihan, pendidikan, penyelidikan dan sokongan, antara lain.

Kemudian terdapat Jun Rubis, seorang ahli biologi pemuliharaan yang telah bekerja di Malaysia dan Indonesia sepanjang dekad yang lalu mengenai pemuliharaan orang utan.

Beliau ialah pekerja wanita tempatan sepenuh masa yang pertama di negara kita, dan juga yang pertama untuk memulakan penyelidikan orang utan jangka panjang di Sarawak bagi Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar.

Beliau kini telah meninggalkan peranan tersebut untuk bekerjasama dengan Persatuan Dayak Iban Sarawak (SADIA) dan Rangkaian Orang Asal seMalaysia (JOAS) mengenai isu-isu hak tanah masyarakat pribumi di Sarawak.

Beliau terbang dari Kuching untuk menjadi sebahagian daripada wacana harmoni ini dan merupakan seorang yang berkepercayaan teguh dalam membina hubungan yang lebih kukuh antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, terutamanya dalam masyarakat sivil.

Orang yang ketiga dan terakhir yang saya ingin memperkenalkan, ialah Woon King Chai.

Beliau mungkin dikenali sebagai pemimpin pelajar dan aktivis, tetapi beliau menjadi tajuk utama sebagai salah seorang daripada empat pelajar yang didakwa berkempen di pilihan raya kecil parlimen Hulu Selangor, yang dikenali sebagai ‘UKM4’.

Fokus utama King Chai sekarang ialah untuk meningkatkan perjuangan undang-undang bagi memperjuangkan hak-hak pelajar, terutamanya penglibatan mereka dalam politik.

Itu sangat menarik untuk mendengar penjelasan beliau tentang sebab perjuangan undang-undang beliau, dan pendapat beliau tentang mengapa sekatan-sekatan tertentu dalam AUKU berpotensi menghalang pembangunan pelajar universiti.

Beliau berhujah bahawa dengan menyekat kebebasan pelajar dalam menentukan pengalaman pembelajaran mereka - termasuk penyertaan dalam politik - akan mempengaruhi pemikiran, pertumbuhan dan kematangan mereka.

Saya hanya berkongsi sedikit sahaja tentang tiga daripada 32 orang yang mengambil bahagian dalam wacana harmoni ini tetapi saya rasa bahawa orang-orang seperti mereka melakukan kerja yang memberi kesan kepada rakyat Malaysia. Kerja mereka tidak glamor, tetapi memberi impak.

Namun seperti anda dan saya, mereka tidak sempurna. Apa yang mereka telah lakukan, walau bagaimanapun, ialah mengambil tindakan dan bukan berdiam diri, dan tindakan ini telah membawa mereka di mana mereka berada sekarang. Anda boleh melihatnya secara metafora, atau dengan sebenarnya - hari ini, mereka semua bersatu minda untuk bersama-sama mewujudkan satu kempen pendidikan pengundi.

Saya ialah sebahagian daripada proses ini, dan ia satu pengalaman yang tidak dijangka. Lagipun, saya hanyalah penyelaras flashmobs dan saya tahu sedikit sahaja tentang isu-isu pengundi. Namun, saya masih mampu untuk menyumbang.

Perjalanan saya melalui ‘jalan’ ini bermula dua tahun lalu apabila saya memutuskan untuk berhenti merengek dan mula bertindak.

Hari ini, laluan ini dilalui oleh 30 adik-beradik.



## LAMPIRAN B

### LEMBARAN FAKTA DAN SOALAN LAZIM TENTANG UNDIMSIA!

#### **UndiMsia: Membina Komuniti-Komuniti Tindakan Lakukan-sendiri Dengan Mengaktifkan Undian Belia**

UndiMsia! ialah satu inisiatif untuk melibatkan golongan muda Malaysia. Bergerak secara online atau di padang, kami:

- menyediakan alat dan penyelesaian yang boleh digunakan untuk masalah yang relevan kepada belia Malaysia dan masyarakat;
- membina, menggerakkan, mengurus dan menyokong golongan muda Malaysia untuk mengambil tindakan yang berkesan dengan hasil yang ketara di dalam masyarakat mereka sendiri;
- menggalakkan penyertaan yang lebih besar oleh anak muda Malaysia dalam membuat keputusan yang memberi impak kepada mereka; dan
- membantu golongan muda Malaysia untuk bertanya soalan yang betul dan membuat pilihan yang betul apabila mereka mengundi dalam mana-mana proses yang memerlukan pemilihan pemimpin.

#### **Adakah UndiMsia! semuanya tentang undi? Apa yang akan UndiMsia! lakukan apabila ia bukan ‘musim mengundi’?**

UndiMsia! bukan sahaja tentang undi - sebenarnya, jauh daripada itu. Sebaliknya, UndiMsia! menekankan warganegara diperkasakan ‘sebelum’ dan ‘selepas’ undi. Ia satu gerakan pendidikan yang bertujuan untuk menggalakkan dan mempertingkatkan penyertaan yang lebih besar oleh golongan muda Malaysia dalam proses demokrasi negara kita.

## **Adakah UndiMsia! disokong oleh mana-mana parti politik?**

UndiMsia! ialah non-partisan, gerakan warga muda. UndiMsia! berkerja dengan sesiapa sahaja yang menyokong usaha dan inisiatif kami. Niat kami bukan untuk menjatuhkan mana-mana parti politik daripada kuasa atau memasang apa-apa parti politik yang berkuasa. Tetapi UndiMsia! menerima bahawa dalam mana-mana sistem demokrasi yang bermakna, maklumat dan inisiatif yang mempengaruhi rakyat, ahli-ahli politik dan parti-parti politik mungkin pada suatu masa akan dilihat sebagai ‘politik’ apabila rakyat menuntut pemegang-pemegang kuasa untuk mengubah cara sesuatu dilakukan di negara ini.

---

## **Mengapa saya perlu terlibat?**

Maklumat ialah kuasa, dan dengan kemahiran yang betul, belia Malaysia akan lebih bersedia untuk bertanya soalan yang betul dan menerajui negara ini. Belia ialah masa depan Malaysia, dan anda kini mempunyai peluang untuk membentuk masa depan anda sendiri. Anda akan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Tindakan Belia (YAG) di dalam komuniti anda yang akan membantu rakyat memperbaiki kehidupan mereka, dan anda. Ahli-ahli YAG akan muncul di seluruh negara bila UndiMsia! bergerak.

---

## **Bagaimana saya boleh sertai?**

E-mel kami di [pusatrakyatlb@mcchr.org](mailto:pusatrakyatlb@mcchr.org) dengan nama, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel anda dan nyatakan hasrat anda. Kami akan memasukkan anda di egroup dan kumpulan Facebook kami untuk berhubung dengan penggerak-penggerak lain.

[www.mcchr.org](http://www.mcchr.org)  
[fb.com/UndiMsia](http://fb.com/UndiMsia)  
[twitter.com/UndiMsia](http://twitter.com/UndiMsia)  
[youtube.com/UndiMsia](http://youtube.com/UndiMsia)

---

## LAMPIRAN C

### #LAPORANRAKYAT UNDIMSA! DAN CPPS

---

Apa ini? Dalam demokrasi, rakyat memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan bahawa mereka yang dipilih atau akan dipilih untuk berkuasa menjalankan tugas mereka dengan baik dan bekerja dengan berkesan. #LaporanRakyat ini untuk mengumpul maklumat daripada anda tentang wakil rakyat anda, dan membantu anda untuk bertanya soalan yang betul dalam menilai prestasi mereka.

---

#### Macam Mana Ni? Ambil Tindakan: Fikirkan, Isi, Kembalikannya Ke Penggerak Komuniti Anda

---

Umur:

Jantina:

Kawasan:

Latarbelakang Etnik:

Adakah anda seorang pengundi berdaftar?

---

#### S1

- Siapakah ADUN anda?
  - Sudah berapa tahun/terma yang dia menjadi ADUN anda?
  - Dimanakah pusat perkhidmatan beliau?
  - Huraikan mengenai ADUN anda dalam 50 patah perkataan:
  - Apakah perkara yang paling penting ADUN anda telah lakukan secara positif yang melibatkan anda dan komuniti anda?
-

## **S2**

- Siapakah MP anda?
  - Dimanakah pusat perkhidmatan beliau?
  - Huraikan mengenai MP anda dalam 50 patah perkataan:
  - Apakah perkara yang paling penting MP anda telah lakukan secara positif yang melibatkan anda dan komuniti anda?
- 

## **S3**

Adakah anda pernah mendengar atau membaca ADUN/MP anda bercakap tentang isu-isu berikut dalam komuniti anda?

\* Ya atau Tidak atau saya tidak tahu/saya tidak peduli\*

- a. Jenayah
  - b. Rasuah
  - c. Demokrasi contohnya penyertaan rakyat dalam proses membuat keputusan
  - d. Pendidikan contohnya akses kepada sekolah-sekolah dan pendidikan tinggi
  - e. Pekerjaan contohnya peluang-peluang pekerjaan
  - f. Alam Sekitar
  - g. Kebebasan Bersuara & Maklumat
  - h. Kesaksamaan Jantina
  - i. Penjagaan Kesihatan
  - j. Infrastruktur contohnya jalan raya
  - k. Harga Makanan & Barang
  - l. Harga Rumah
  - m. Pengangkutan Awam
  - n. Perpaduan kaum
  - o. Lain-lain, nyatakan:
-

## **S4**

Apakah 5 isu utama di atas yang perlu diselesaikan/dibaiki dalam komuniti anda? Sila terangkan.

- I.
  - II.
  - III.
  - IV.
  - V.
- 

## **S5**

Nilaikan ADUN/MP anda [pada skala 1 (paling teruk) hingga 5 (terbaik)]:

- Berapa kerap anda melihat ADUN/MP anda dalam komuniti anda? contohnya sekali sebulan / sekali seminggu / setiap hari
- Adakah mudah untuk bertemu dengan ADUN/MP anda?
- Adakah ADUN/MP anda menyelesaikan masalah-masalah yang dibawa kepada perhatian beliau? Jika ada, masalah yang mana?
- Adakah ADUN/MP anda tahu tentang masalah/isu-isu di dalam komuniti anda?
- Adakah ADUN/MP anda kerap bercakap dengan komuniti anda? contohnya sekali sebulan / sekali seminggu / setiap hari
- Adakah ADUN/MP anda membincangkan isu-isu dengan komuniti anda untuk membuat keputusan bersama?
- Adakah ADUN/MP anda memenuhi janji-janji yang dibuat semasa pilihan raya sebelumnya?
- Adakah anda berpuas hati dengan prestasi ADUN/MP anda?

\* JUMLAH MARKAH \*

---

## LAMPIRAN D

### UNDIMSIA! DAN CPPS' #LAPORANPENGGERAK

Keputusan Utama Penggerak-Penggerak/Ahli-Ahli YAG dalam setahun:

1. Tawan. Hubung. Tukar. Pupuk:  
30 Penggerak baru / 1 YAG
2. Draf, reka bentuk dan menerbitkan:  
Penggerak/Manifesto prinsip, dasar dan tujuan YAG
3. Menjadi tuan rumah, menganjur dan menjalankan:  
1 #UndiMsiaChats
4. Menganjur dan menjalankan:  
1 #IdolaDemokrasi
5. Menganjur dan menjalankan:  
1 #SidangYAG diadakan sekali setiap 2 bulan
6. Mengambil tindakan. Mulakan kempen/pergerakan:  
1 antara YAG / isu masyarakat / perjuangan  
1 isu nasional / perjuangan
7. Sertai program latihan #SekolahAktivisme dan  
YouthAdvocacyAcademy

Nota: #UndiMsiaChats, #IdolaDemokrasi dan #SidangYAG hanyalah kaedah yang disediakan untuk mencapai tujuan sebenar, iaitu mengambil tindakan warganegara kolektif dalam menangani isu atau masalah. Menjadi tuan rumah, menganjurkan dan menjalankan #UndiMsiaChats, #IdolaDemokrasi dan #SidangYAG bukanlah tindakan persendirian untuk melanjutkan perjuangan tertentu.

## LAMPIRAN E

### UNDIMSIA! #IDOLADEMOKRASI GAMESHOP

#### **Ringkasan**

#IdolaDemokrasi GameShop bertujuan untuk membantu masyarakat mengkaji masalah mereka dari segi tadbir urus, dengan memberi tumpuan kepada membina konsensus dan penyertaan dengan terbuka, dialog yang jujur, dan kemudian menyiapkan mereka dengan alat yang sesuai untuk membantu mereka mengatasi masalah-masalah mereka dengan mengambil tindakan kolektif.

#### **+ ia bukan bengkel!**

# IdolaDemokrasi ialah satu interaktif, penyertaan dan cara penyertaan ala GameShop direka untuk memperkasakan masyarakat dengan peralatan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri, atas terma-terma mereka sendiri. Penggerak UndiMsia! hanya memudahkan proses pemikiran, bukan memberikan jawapan.

#### **+ ia bukan sahaja tentang undi!**

UndiMsia! bukan sahaja tentang undi - sebenarnya, jauh dari itu. Sebaliknya, UndiMsia! menekankan memperkasakan warganegara ‘sebelum’ dan ‘selepas’ undi. Ia satu gerakan pendidikan yang bertujuan untuk menggalakkan dan mempertingkatkan penyertaan yang lebih besar oleh golongan muda Malaysia dalam proses demokrasi negara kita.

#### **+ 100% bukan partisan!**

Di # IdolaDemokrasi, masyarakat digalakkan untuk melihat di luar politik dan ahli-ahli politik dan memberi tumpuan kepada isu-isu - untuk mengkaji punca dan akibat masalah mereka (#ProblemTree), untuk melihat di mana garis pengaruh dan tunggak kuasa berada (#BigPicture

Analysis), dan memberi penyelesaian yang boleh dipercayai, dipertahankan dan berkesan dengan mengambil tindakan kolektif (#ActionPyramid). Dalam usaha ini, masyarakat juga akan membuat kesimpulan bahawa sistem wakil demokrasi kita tidak sempurna dan memerlukan pembaharuan.

#### **+ Demokrasi daripada usaha orang ramai dan menjadi 'penyelesaian masalah'**

Modul #IdolaDemokrasi direka untuk membina untuk menyemak #BigPicture dan apakah tindakan yang rakyat boleh ambil untuk melaksanakan penyelesaian dalam masa jangka pendek dan jangka panjang untuk menjadikan Malaysia sebuah negara demokrasi yang lebih bertenaga dan mantap di semua peringkat.

#### **+ Siapakah kami?**

Kami ialah penggerak masyarakat UndiMsia! dan kami mewakili pergerakan ini. Kami ialah pemimpin:

- Dalam GameShop, kami membimbing dan memudahkan komuniti untuk mencari jawapan yang mungkin, bersama-sama. Kami tidak memberikan jawapan yang 'betul' atau mengenakan nilai-nilai peribadi atau pendapat kami.
- Walau bagaimanapun, kami menggalakkan kebebasan bersuara dan menyuarakan SEMUA pandangan, walaupun beberapa pandangan yang dipegang oleh minoriti, mungkin keterlaluan, tidak masuk akal, bodoh, kebudak-budakan, provokatif, diskriminasi, seksis dan tidak masuk akal, atau mungkin pro-pemerintah atau anti-pemerintah.
- Kami tidak menghakimi MANA-MANA peserta. Paling tidak, kami mungkin mencabar pandangan peserta atau mencadangkan alternatif pendapat untuk perbincangan atau kupasan. Tiada serangan peribadi boleh dibuat ke atas mana-mana peserta walaupun peserta tersebut menyerang kami secara peribadi.
- Setiap peserta penting. Setiap pandangan dialu-alukan. Andaikan bahawa setiap peserta akan menyuarakan pendapat sekali sahaja,

dan MENDENGAR dan PEDULI kepada pandangan itu. Memerhati dan menggalakkan peserta yang senyap untuk bersuara.

- Tiada peserta terlalu ‘lembap’ untuk belajar. Setiap orang belajar menggunakan kaedah-kaedah yang berbeza dan ia terpulang kepada kita untuk mencari dan menggunakan kaedah yang terbaik. Sejauh mungkin, #IdolaDemokrasi bertujuan untuk bertanya soalan yang kritikal dan melibatkan peserta dalam pengalaman pembelajaran kolektif, bukan memberitahu mereka apa yang kami tahu dan apa yang kami fikir mereka patut tahu.
- Yang paling penting, kita mesti berdisiplin. Kita tidak perlu membuat apa-apa diskriminasi, kenyataan seksis, ucapan menjatuhkan atau menghina, walaupun ia dimaksudkan sebagai jenaka atau sebagai kenyataan peribadi di kalangan kami. Ingatlah bahawa kita mewakili masa depan Malaysia!
- Ikhlas dan merendah diri - jika kita tidak tahu jawapannya, katakan bahawa kita tidak tahu. Jika kita salah, akui kesilapan kita. Keep it real, yo!
- Kekal bertenaga dan positif pada setiap masa. Perhatikan bahasa gerak-geri kita. Terbuka. Senyum dan ketawa. Melayan setiap peserta seperti kawan.
- Matlamat kami untuk menunjukkan GameShop meriah, hebat dan inklusif untuk semua orang. Kami mahu memberi motivasi, inspirasi dan mengaktifkan mereka!

#### **+ Mengapa kami melakukan # IdolaDemokrasi?**

Kami melakukan GameShop untuk MENDIDIK dan MEMPERKASAKAN masyarakat, dan pada masa yang sama mendidik dan memperkasakan diri kami untuk memberi makna yang lebih kepada kehidupan kami, LOL! Ingatlah bahawa kita akan belajar banyak tentang diri kita dalam proses ini. Jika peserta meninggalkan GameShop dengan perasaan tidak perkasa, maka kami tidak melakukannya dengan betul.

Kami juga berhasrat untuk menjadikan demokrasi menyeronokkan, menarik dan hidup. Demokrasi secara langsung. Demokrasi yang melibatkan orang ramai. Sesudah itu, kami akan menggunakan tenaga serta semangat kepercayaan peserta untuk berbincang, menyokong dan bertindak untuk membuat demokrasi Malaysia nyata untuk diri mereka sendiri dan orang lain.

**+ Apa yang kami harapkan pada penghujung #IdolaDemokrasi?**

101% - semua orang harus meninggalkan GameShop bertenaga, berpendidikan, lelah tetapi juga ingin menghadapi dunia dengan menganjurkan untuk bertindak dan mudah-mudahan, menjadi penggerak masyarakat. Komuniti #ActionPyramid merancang strategi dan taktik tindakan yang perlu dilaksanakan. Tiada siapa yang harus merasakan bahawa mereka membuang masa mereka. Maklum balas mengenai GameShop positif dan menakjubkan.

**+ Saya ingin menganjurkan #IdolaDemokrasi.**

**Bagaimana saya membuat persediaan untuk ini?**

Mudah. Cepat baca Kit ini. Kemudian hubungi kami dalam pelbagai cara contohnya, dengan menghantar e-mel kepada kami di pusatrakyatlb@mcchr.org dengan butir-butir anda dan tarikh yang dicadangkan. Apabila kami telah bersedia, kami akan menghantar Pek GameShop kami yang memperincikan perkara yang anda perlukan untuk persediaan seperti yang berikut:

- i. Poster promosi GameShop dan modul iaitu templat ada disediakan jika anda perlukannya.
- ii. Senarai butiran peserta iaitu templat ada disediakan - jika boleh, dapatkan peserta untuk mendaftar dan email kepada kami butir-butir mereka sebelum Gameshop
- iii. Material GameShop iaitu kertas mahjong, pen penanda bermata besar (5 warna), papan putih / hitam, pita pelekat / blu-tack, pelekat tag nama, kertas A4, pen, projektor, sistem bunyi, skrin, komputer riba (dengan program Mac 'iMovie' atau Windows 'Video Editor'), kamera dan card reader, muzik yang bagus dan nasi lemak (jika boleh)

**iv. Bahan sumber sebagai kertas sebaran:**

- Lembaran Fakta UndiMsia! boleh didapati di laman web UndiMsia.com
- Four Roles Of Activists, Bill Moyer (1990) [versi yang diadaptasikan oleh Turning The Tide]
- Eight Stages Of Successful Social Movements, Bill Moyer (1990) [versi yang diadaptasikan oleh Turning The Tide]
- Eight Stages + Four Roles Graphic, Bill Moyer (1990) [versi yang diadaptasikan oleh Turning The Tide]
- The Movement Action Plan, Bill Moyer (1990) [versi yang diadaptasikan oleh The Change Agency]
- 198 Methods Of Non-Violent Action, Gene Sharp (1973)
- Correcting Common Misconceptions About Non-Violent Action, Gene Sharp (1973)
- Various Forms Of Activism: An Overview Of The Change Agency Case Studies, Maria Zoretic (2006)

**+ Berapa jam yang saya perlukan untuk #IdolaDemokrasi?**

Masa jangka optimum ialah 8 jam. Paling kurang 5 jam untuk kira-kira 30 peserta. Kami menggalakkan penganjur untuk menggerakkan sekurang-kurangnya 30 peserta untuk membuat GameShop yang berbaloi. Jika komuniti lebih besar, lebih banyak masa diperlukan. Bagaimana 5 jam GameShop dijadualkan:

|          |   |
|----------|---|
| 15 minit | <b>Pengenalan, Semakan Jangkaan &amp; Perjanjian Kumpulan</b> |
| 15 minit | <b>Modul 1: Di manakah Anda Berdiri?</b>                      |
| 30 minit | <b>Modul 2: Kapal Angkasa</b>                                 |
| 1 jam    | <b>Modul 3: Modul #ProblemTree</b>                            |
| 1:30 jam | <b>Modul 4: Analisis #BigPicture</b>                          |
| 1 jam    | <b>Modul 5: #ActionPyramid</b>                                |
| 30 minit | <b>Seruan Untuk Bertindak</b>                                 |

**+ Berapa ramai penggerak masyarakat yang diperlukan untuk memudahkan #IdolaDemokrasi?**

Nisbah optimum ialah 1 hingga 10 untuk menjalankan modul dan memudahkan kumpulan. Penggerak tambahan yang diperlukan untuk mencatat laporan kemaskini di media social seperti Twitter dan Facebook (1 penggerak), mengambil gambar dan mewujudkan #RecapVid<sup>14</sup> (1 penggerak) serta berurusan dengan barang yang lain (1 penggerak). Sebaik-baiknya, perlu ada 6 penggerak untuk

: 14 Lihat Lampiran F GameShop 30 peserta.

**+ Saya telah melihat gambar-gambar dan video #IdolaDemokrasi, dan ia kelihatan sangat hebat! Saya pasti ramai yang telah mendapat manfaat daripadanya dan belia telah melakukan projek aktivisme yang agak menarik selepas GameShop. Saya mahu membacanya kesemuanya dalam bentuk teks tentang bagaimana ia dijalankan untuk memudahkannya. Di manakah saya boleh berbuat demikian?**

Mengalaminya ialah yang terbaik. Tetapi jika anda tidak boleh, sila ambil perhatian. Dibawah. [GameShop yang diterangkan di sini dijalankan untuk mana-mana komuniti yang ingin mengalaminya. Walau bagaimanapun, jika terdapat isu atau masalah tertentu yang komuniti tersebut ingin bincangkan, kami boleh menyesuaikan GameShop sewajarnya. Modul dalam GameShop di sini tidak menyeluruh dan boleh disesuaikan (dengan tambahan dan modul pelengkap yang tidak disenaraikan di sini) untuk memenuhi keperluan masyarakat tertentu.]

## **AKTIVITI**

---

# **Pengenalan, Semakan Jangkaan & Perjanjian Kumpulan**

**15 minit**

### **Pengenalan**

Pengerak - sebagai fasilitator - akan memperkenalkan diri mereka dan menulis program untuk hari tersebut pada papan putih/hitam yang boleh dilihat oleh peserta pada setiap masa.

Terangkan secara ringkas apa UndiMsia! (dan bukan), tujuan GameShop dan bagaimana ia akan dijalankan.

### **Semakan Jangkaan**

Jemput peserta untuk memperkenalkan diri mereka secara ringkas, mengapa mereka berada di GameShop dan apa yang mereka harapkan. Ia lebih baik jika penggerak mempunyai senarai nama peserta.

Jangkaan akan ditulis pada papan putih/hitam supaya boleh dilihat oleh peserta pada setiap masa.

### **Perjanjian Kumpulan**

Meminta cadangan daripada peserta tentang apakah 3 garis panduan kita - sebagai satu kumpulan - perlu diamalkan untuk membuat GameShop menarik, berfaedah dan bermakna. Jika tidak ada pandangan, cadangkan beberapa.

Tanya peserta jika mereka bersetuju dengan garis panduan yang disyorkan. Jika mereka bersetuju, beralih. Jika tidak, dapatkan konsensus.

---

## **AKTIVITI**

---

### **Modul 1: Di mana Anda Berdiri?**

**15 minit**

#### **Mekanisme**

Bentangkan satu siri kenyataan kontroversi atau soalan - yang berkaitan dengan isu-isu semasa jika boleh - yang perlu dijawab oleh peserta dengan memilih untuk berdiri di 3 tempat yang berbeza di dalam bilik. Jawapannya: "Ya, saya setuju", "Tidak, saya tidak bersetuju" atau "saya tidak tahu / saya tidak pasti".

Sebaik sahaja peserta berada dalam kumpulan masing-masing, minta mereka secara individu untuk menjelaskan kedudukan mereka dan sebab-sebab disebaliknya.

Benarkan peserta lain yang mempunyai pandangan berbeza, menyuarkan pendapat mereka. Biarkan peserta mencabar antara satu sama lain dengan hormat dan membiasakan diri dengan keadaan percanggahan pendapat.

Siasat dan tanya soalan lanjut mengenai persepsi atau andaian yang dibuat oleh para peserta.

#### **Hasil**

Pada akhir modul, bincangkan:

- Adakah terdapat isu-isu yang 'terlalu bermosi' atau 'terlalu sensitif' untuk dibincangkan dalam masyarakat? Perlukah isu-isu ini 'diabaikan'? Adakah kumpulan tersebut mampu untuk bercakap mengenai isu-isu ini tanpa 'membunuh' antara satu sama lain?
  - Bagaimana kita - dan harus kita - rakyat Malaysia berurusan dengan kepelbagaian pendapat? Bagaimana kita memberi sebab untuk mengatakan satu pendapat itu lebih sah daripada yang lain?
  - Mengapa sesetengah peserta mengatakan bahawa mereka tidak tahu atau tidak pasti tentang sesetengah isu-isu? Maklumat yang tidak mencukupi? Atau mereka tidak sedar atau hanya tidak peduli?
-

## **AKTIVITI**

---

### **Modul 2: Kapal Angkasa**

**30 minit**

#### **Mekanisme**

Beri setiap peserta sehelai kertas A4 dan pen.

Bentangkan senario ini: bayangkan dunia hampir musnah dan anda mesti meninggalkannya dengan Kapal Angkasa khas untuk ke planet lain. Apakah 5 perkara yang anda akan pilih untuk dibawa bersama anda ke planet baru? Setiap peserta individu mestilah menyenaraikan 5 perkara (Senarai Peribadi).

Selepas peserta menamatkan Senarai Peribadi mereka, minta mereka untuk pusing ke kanan dan bandingkan dengan senarai peserta di sebelah mereka. Setiap pasangan peserta perlu berbincang dan mendapatkan persetujuan bersama (bukan undian) mengenai 5 perkara yang mereka akan bawa ke planet baru (Senarai Pasangan).

Selepas pasangan-pasangan menamatkan Senarai Pasangan mereka, kumpulkan semua peserta kepada 2 atau 3 kumpulan yang lebih besar dalam kira-kira 10-15 perserta setiap kumpulan. Bergantung kepada bilangan peserta, perlu ada sekurang-kurangnya 2-3 kumpulan yang berbeza menyampaikan keputusan mereka.

Berikan setiap kumpulan sehelai kertas mahjong dan pen penanda. Setiap kumpulan hendaklah membincangkan dan bersetuju secara kolektif dan sebulat suara (tanpa undian) tentang 5 perkara yang kumpulan itu akan bawa ke planet baru (Senarai Kumpulan).

Senarai Kumpulan akan ditulis pada kertas mahjong kumpulan dengan sebab ringkas (dalam bentuk point) untuk memilih 5 item. Setiap kumpulan mesti menamakan kumpulan mereka dan memilih seorang pemimpin dan seorang jurucakap.

Selepas kumpulan telah selesai dengan Senarai Kumpulan masing-masing, jurucakap mereka hendaklah melekatkan kertas mahjong

mereka di dinding sekitar bilik dan membentangkan keputusan dan sebab-sebab kumpulan mereka memilih 5 perkara tersebut.

Pengerak akan memudahkan perbincangan mengenai pembentangan setiap kumpulan dengan bertanyakan soalan-soalan mengenai ‘keperluan’ untuk barang-barang tersebut dan ‘proses’ dalam mendapatkan Senarai Kumpulan. Selepas pembentangan setiap kumpulan, buka ruang untuk memberi komen atau soalan dari kumpulan lain.

### **Hasil**

Selalunya, para peserta akan datang dengan senarai barang yang sama ada keperluan asas atau membina instrumental (contohnya kebebasan dan keadilan) untuk memudahkan pencapaian keperluan tersebut.

Pada akhir modul, bincangkan:

- Apakah pilihan biasa barang yang dipilih oleh kumpulan-kumpulan? Makanan, air, tempat tinggal, pakaian dan barang-barang yang memudahkan seperti pukat dan alat-alat kejuruteraan?
- Adakah peserta bukan rakyat Malaysia yang mengambil modul ini memilih barang-barang yang berbeza atau sama?
- Bagaimanakah perkara-perkara ini berkaitan dan jelaskan? Keperluan? Hak Asasi Manusia? Hak Perlembagaan? Jelaskan konsep-konsep ini.
- Adakah ia lebih sukar untuk membuat keputusan kepada 5 perkara bagi Senarai Kumpulan berbanding dengan Senarai Peribadi dan Senarai Pasangan? Mengapa?
- Setakat manakah kumpulan-kumpulan tersebut membuat keputusan sebulat suara untuk garis panduan semasa proses Senarai Kumpulan? Adakah ia mudah atau sukar?
- Jika Senarai Kumpulan itu tidak dibuat secara sebulat suara, bagaimana ia dibuat? Dengan mengundi? Atau dengan kekerasan? Atau peserta hanya berdiam diri dan mengalah kepada cadangan peserta dominan? Adakah proses ini berkesan dan bermakna?
- Adakah terdapat mana-mana perkara dalam Senarai Peribadi atau Senarai Pasangan yang tidak termasuk dalam Senarai Kumpulan? Mengapa? Bagaimana anda rasa apabila pilihan anda tidak dimasukkan? Apa yang akan anda lakukan sekarang untuk mengubahnya?

- Bagaimana kumpulan-kumpulan tersebut memilih pemimpin dan jurucakap mereka? Dengan mengundi? Atau secara lalai kerana tiada siapa mahu melangkah ke hadapan?
  - Adakah pemimpin atau jurucakap mewakili pandangan kumpulan dengan secukupnya? Jika tidak, mengapa dan apa yang boleh dilakukan untuk memperbaiki keadaan?
-

## AKTIVITI

### Modul 3: #ProblemTree

1 jam

#### Mekanisme


Dapatkan sumber dari peserta untuk memulakan modul ini dengan meminta peserta untuk mengenal pasti masalah yang mereka hadapi setiap hari atau yang membimbangkan negara. Selalunya, para peserta akan datang dengan senarai masalah yang terdiri daripada isu-isu tertentu dalam komuniti mereka, kolej, universiti atau di tempat kerja kepada isu-isu umum di negara ini seperti perkauman, pengangkutan awam, rasuah dan pendidikan.

(Konteks modul ini boleh dibentuk untuk memenuhi apa-apa isu peserta mahu serlahkan. Oleh itu, jika GameShop diadakan khusus untuk komuniti yang mahu membincangkan masalah dan mencari penyelesaian kepadanya, maka gunakan masalah tersebut di dalam modul ini.)

Masalah-masalah yang didapati daripada peserta-peserta hendaklah ditulis pada papan putih/hitam. Jika perlu, minta peserta untuk menjelaskan mengapa masalah atau perkara tersebut penting bagi mereka.

Lukiskan satu contoh #ProblemTree dan terangkan secara ringkas bagaimana untuk menggunakan: ‘masalah’ ialah ‘batang pokok’, yang ‘dahannya’ mewakili ‘akibat’ masalah dan ‘akar’ mewakili ‘sebab-sebab’ masalah.

Dengan menggunakan kumpulan yang sama dalam Modul 2, biarkan peserta memilih masalah yang mereka ingin bincangkan dari senarai.



Berikan setiap kumpulan sehelai kertas mahjong dan pen penanda. Setiap kumpulan mesti melukis #ProblemTree. Selepas setiap kumpulan telah selesai dengan rajah mereka, jurucakap mereka harus melekat kertas mahjong mereka di dinding di sekitar bilik dan membentangkan #ProblemTree kumpulan mereka. Perhatikan bahawa beberapa sebab mungkin bukan benar-benar punca tetapi akibat dan sebaliknya. Selepas pembentangan setiap kumpulan, buka ruang untuk memberi komen atau soalan daripada kumpulan lain.

### **Hasil**

Pada akhir modul, bincangkan:

- Adakah sesetengah masalah sebenarnya tanda-tanda kepada punca sebenar masalah tersebut? Adakah kita berurusan dengan akar masalah atau hanya tanda-tanda?
  - Adakah sesetengah kesan dari sesuatu masalah juga merupakan punca-punca masalah tersebut?
  - Adakah kumpulan-kumpulan dapat menggunakan cara tersebut, membedah masalah dan menjumpai kesan dan sebab-sebab tanpa merujuk kepada ‘siapa yang berkata apa’ iaitu apa yang ahli politik atau parti politik berkata tentang isu-isu tersebut?
  - Perlukah untuk menyebut politik apabila kumpulan ini memberi tumpuan kepada kesan-kesan dan sebab-sebab?
  - Adakah terdapat maklumat boleh dipercayai yang cukup untuk memastikan sebab-sebab tersebut? Jika tidak, apa yang diperlukan?
  - Dengan menyatakan punca, apakah penyelesaian-penyelesaian kepada masalah ini?
-

## AKTIVITI

### Modul 4: Analisis #BigPicture

1:30 jam

#### Mekanisme

Dapatkan sumber daripada peserta untuk membentuk modul ini dengan bertanyakan peserta beberapa umum soalan: Siapa warganegara Malaysia? Bagaimana kita dikenal pasti? Siapa yang memerintah negara? Siapakah pemegang-pemegang kuasa? Apakah peranan dan fungsi pemegang-pemegang kuasa? Dari manakah kuasa mereka datang? Apakah hubungan kuasa antara pemegang-pemegang kuasa dan kita, rakyat? Siapa/apa yang mempengaruhi kita setiap hari? Adakah kita mempengaruhi pemegang-pemegang kuasa? Jika ya, bagaimana? Siapakah/apakah sebab dan akibat peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara kita?

Mendapatkan maklum balas daripada peserta.

Kemudian, pendekkan soalan dengan meminta peserta untuk:

- Mengenal pasti demografi rakyat Malaysia: jumlah penduduk, latar belakang etnik, agama, jantina, umur dan kelas pendapatan.
- Mengenal pasti sumber-sumber kuasa yang ‘jitu’ atau rasmi dan pengaruhnya ke atas rakyat: Perlembagaan Persekutuan dan institusi-institusi yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan termasuk Raja (YDPA), Parlimen (Badan Perundangan), Kerajaan (Eksekutif/Kabinet) dan badan-badan konstituenya (contohnya polis dan imigresen), Mahkamah (Kehakiman), Suruhanjaya Pilihan Raya dan Peguam Negara, dan institusi rasmi lain termasuk badan-badan berkanun (contohnya SUHAKAM, Majlis Peguam dan SPRM).
- Mengenal pasti sumber-sumber yang ‘lembut’ atau kuasa tidak formal dan pengaruhnya ke atas rakyat: media, agama/kepercayaan, pendidikan, perniagaan, bank, PERSATUAN PEKERJA, parti politik, NGO dan budaya pop yang dikongsi (pop-shared culture).

Setelah peserta memberi maklum balas, gunakan pen penanda hitam untuk melukis demografi-demografi tersebut, sumber kuasa dan

pengaruh di atas kertas mahjong/papan putih/hitam supaya boleh dilihat oleh peserta pada setiap masa.

Tanya peserta dengan lebih terperinci mengenai punca-punca dan pengaruh kuasa (secara ringkasnya disebut sebagai ‘pemegang-pemegang kuasa’):

- Apakah peranan tertentu/fungsi mereka?
- Dari manakah kuasa mereka datang?
- Siapakah orang-orang yang membentuk pemegang-pemegang kuasa?
- Siapakah orang-orang yang menerajui, memiliki, menguruskan atau menjalankan pemegang-pemegang kuasa ini?
- Adakah orang-orang yang dilantik atau dipilih?
- Bagaimana mereka dilantik atau dipilih, dan oleh siapa?

Tulis maklumat penting yang didapati daripada peserta di atas kertas mahjong/papan putih/hitam dan bandingkan setiap sumber kuasa dan pengaruh.

Tanya peserta mengenai garis kuasa/pengaruh antara pemegang-pemegang kuasa dan rakyat:

- Bagaimakah pemegang-pemegang kuasa mengawal atau mempengaruhi kita?
- Adakah pemegang-pemegang kuasa lebih mengawal atau mempengaruhi kita atau sebaliknya?
- Bagaimana kita mempengaruhi pemegang-pemegang kuasa?

Setelah peserta memberi maklum balas, gunakan penanda merah untuk melukis garisan anak panah kuasa/pengaruh antara pemegang-pemegang kuasa dan rakyat.

Rujuk kepada kesan dan sebab-sebab dalam bentangan #ProblemTree.

- Siapa / yang mana satu pemegang-pemegang kuasa yang menyebabkan masalah?
- Siapa / yang mana satu pemegang-pemegang kuasa berada dalam kedudukan yang rasmi dan mampu untuk berurusan dengan akibat dan punca-punca masalah?

Dengan merujuk kepada rajah Parlimen, Kabinet dan Mahkamah dan berdasarkan kaedah perlantikan atau pilihan raya, tanya peserta jika terdapat pemisahan kuasa sebenar dan bermakna diantara institusi-institusi tersebut.

Dengan merujuk kepada Rajah Suruhanjaya Pilihan Raya, Peguan Negara dan badan-badan berkanun tanya peserta siapa yang melantik orang-orang yang memimpin pemegang-pemegang kuasa ini.

Dengan merujuk kepada gambar rajah media, agama/kepercayaan, pendidikan, perniagaan, bank, persatuan pekerja, parti-parti politik dan NGO, tanya peserta siapa yang memimpin, memiliki, menguruskan atau mengendalikan pemegang-pemegang kuasa ini.

Dengan merujuk kepada demografi rakyat Malaysia, tanya kelas pendapatan manakah yang membawa atau memiliki semua pemegang-pemegang kuasa yang digambarkan. Adakah kelas elit minoriti?

Apabila peserta memberi maklum balas, gunakan pen penanda hijau untuk melukis hubungan kepimpinan dan pemilikan pemegang-pemegang kuasa dengan merujuk kepada kelas pendapatan Malaysia.

Tanya peserta-peserta dimanakah suara rakyat di dalam #BigPicture itu? 222 Ahli -ahli Parlimen di dalam Parlimen? Satu undi sekali setiap 5 tahun untuk memilih 222?

Apabila peserta memberi maklum balas, gunakan pen penanda biru untuk melukis garisan anak panah dari rakyat dan 222 Ahli Parlimen/Parlimen yang mewakili undi. Kemudian bertanya berapa ramai rakyat Malaysia yang mengundi dalam pilihan raya yang lepas.

Ingatkan para peserta bahawa Malaysia mengamalkan sistem wakil demokrasi di mana 222 Ahli Parlimen untuk mewakili Penduduk Malaysia. Adakah itu benar-benar berlaku?

Dengan merujuk kepada demografi penduduk, tanya peserta:

- Berapa ramai Ahli Parlimen ialah wanita?
- Berapa ramai Ahli Parlimen ialah Orang Asli dan Orang Asal?
- Berapa ramai Ahli Parlimen ialah di bawah umur 35 tahun?
- Berapa kerap MP anda telah berunding dengan anda atau komuniti anda sebelum mengundi pada undang-undang di Parlimen?
- Berapa kerap MP anda telah berunding dengan anda atau komuniti anda pada isu tertentu?
- Berapa kerap anda tidak bersetuju dengan pandangan MP anda dalam Parlimen?
- Adakah anda membenarkan mana-mana kenyataan perkauman atau seksis yang MP anda buat di dalam Parlimen atau di luarnya?
- Adakah anda merasakan bahawa MP anda mewakili pandangan anda?

### **Hasil**

Pada akhir modul, bincangkan:

- Sama ada peserta merasakan bahawa 222 Ahli Parlimen sebenarnya mewakili penduduk Malaysia dan segala kepelbagaiannya?
- Adakah Parlimen mewakili kehendak majoriti?
- Apakah demokrasi ‘prosedur’ dan demokrasi ‘substansif’?
- Adakah sistem demokrasi perwakilan dikuasai oleh majoriti atau minoriti?
- Dalam sebuah demokrasi perwakilan, adakah mengundi dalam pilihan raya penting atau tidak?
- Apakah yang dimaksudkan dengan ‘kuasa rakyat’?
- Sama ada sistem demokrasi perwakilan memberi terlalu banyak kuasa yang tidak dikawal kepada pemegang-pemegang kuasa tertentu yang membenarkan penyalahgunaan kuasa?
- Sama ada sistem demokrasi perwakilan perlu diperbaiki dengan menggunakan pembaharuan untuk membolehkan ruang yang lebih besar bagi penyertaan rakyat dan keputusan yang terikat dari segi undang-undang dibuat secara langsung oleh rakyat?
- Bagaimana sistem demokrasi perbincangan, demokrasi langsung, demokrasi penyertaan atau demokrasi pemantauan dilaksanakan?
- Bila saluran rasmi kepada pemegang-pemegang kuasa untuk menangani masalah di negara ini gagal atau tidak berkesan, apakah pilihan yang rakyat ada?

- Selain daripada mengundi dalam pilihan raya berkala, adakah tindakan rakyat secara kolektif penting dan perlu?
- Apakah penyelesaian jangka panjang dan jangka pendek untuk memperbaiki sistem kita dan membolehkan suara rakyat didengar dengan lebih bermakna dan berkesan?

### #TipUndiMsia!

Jika seseorang itu berfikir mengundi secara berkala sekali dalam tempoh 5 tahun untuk menangani isu-isu yang dihadapi rakyat 365 hari setahun ialah demokrasi, fikirkan kembali.

—  
Adakah anda seorang penentang, reformis,  
Ejen perubahan sosial atau (hanya) rakyat?  
—

Orang yang mengadu dan menyalahkan tetapi tidak bertindak  
ialah seorang yang melihat di cermin dan pergi melupakan  
bagaimana rupa seseorang.  
—

Mengadu dan merengek bukan tanda lambang warganegara.  
Sebaliknya tanya: Apa yang boleh saya lakukan? Dan lakukan!  
—

Demokrasi yang bermakna akan menggalakkan rakyat  
bersemangat positif, tidak mewujudkan suasana ketakutan  
atau halangan kepada aktivisme.  
—

Orang yang melihat #BigPicture ini dan mempunyai momen AHA!  
mereka! ialah dalam perjalanan ke arah memperkasakan diri  
mereka sendiri. Sudahkah anda?  
—

Ingatkan diri kita yang kita mesti hidup dengan sepenuhnya setiap hari. Setiap saat yang hilang ialah peluang yang hilang untuk menawan, berhubung, menukar dan memupuk mereka yang lemah.

**Bahan Rujukan Modul 4:**  
**DEMOGRAFI RAKYAT MALAYSIA**


---

## POPULASI 32.7juta

### BUKAN WARGANEGARA



### UMUR




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)


**Bahan Rujukan Modul 4:**  
**DEMOGRAFI RAKYAT MALAYSIA**

---

## ETNIK




## AGAMA



Sumber: 2010

**Bahan Rujukan Modul 4:**  
**DEMOGRAFI RAKYAT MALAYSIA**

---



Nota:

1. RM: Pendapatan kasar isi rumah sebulan
2. Jumlah pendapatan isi rumah bulanan:
  - Atas 20% RM10,959
  - Pertengahan 40% RM4,850
  - Bawah 40% RM2,500
3. 8.4% isi rumah di bawah pendapatan garis kemiskinan mutlak dan 1.0% miskin tegar. Kerajaan sebanyak RM800 bagi setiap isi rumah sebulan

Sumber: **Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas Laporan Kajian, Jabatan Statistik (2019)**

## **Bahan Rujukan Modul 4:**

### **APAKAH SUMBER-SUMBER RASMI KUASA DAN PENGARUH DI NEGARA KITA?**

---



Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tertinggi di negara ini. Ia undang-undang tertinggi yang menetapkan sumber-sumber rasmi kuasa dan pengaruh di negara kita.

**Sumber: Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan**



## YDPA

Raja ialah Ketua Tertinggi di negara ini yang dipilih oleh Majlis Raja-raja bagi tempoh 5 tahun. Lebih daripada RM50 juta setahun secara kolektif yang dibelanja ke atas Raja, Raja Permaisuri Agong dan isi rumah mereka.

**Sumber:** Perkara 32-38, Perlembagaan Persekutuan & 1982 Senarai Awam



### **Fungsi: Membuat undang-undang.**

Parlimen terdiri daripada Dewan Negara (Senat) dan Dewan Rakyat. Senat terdiri daripada 26 orang ahli yang dipilih daripada 13 negeri + 2 ahli untuk KL + 1 ahli bagi Labuan + 1 ahli untuk Putrajaya dan 40 orang ahli yang dilantik oleh Raja. Dewan Rakyat terdiri daripada 222 Ahli Parlimen yang dipilih dalam sistem Pilihan Raya pertama-melalui-garisan-penamat (first-pass-the-post).

Yang Dipertua dan 2 Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dipilih oleh Dewan.

Senator dibayar RM4,112,79 sebulan dan Ahli Parlimen dibayar RM6,508,59 sebulan.

**Sumber:** Perkara 44-68, Akta Perlembagaan Persekutuan & Ahli Parlimen (Saraan) 1980



**Fungsi:** Untuk mentadbir/melaksanakan undang-undang dan dasar.

Kabinet dilantik oleh Agung yang pada mulanya melantik PM untuk mempengerusikan kabinet, seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada pendapatnya mempunyai sokongan majoriti ahli-ahli dewan.

Atas nasihat PM, Raja melantik Menteri-menteri lain dan Timbalan Menteri dari kalangan Dewan Negara atau Dewan Rakyat. Diperhatikan lebih daripada 80% ahli kabinet terdiri daripada Menteri dan Timbalan Menteri yang dilantik dari Dewan Rakyat.

PM dibayar RM22,826,65 sebulan dan Menteri dibayar RM14,907.20 sebulan.

**Sumber:** Perkara 43-43c, Perlembagaan Persekutuan,  
Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 & [www.pmo.gov.my](http://www.pmo.gov.my)



**Fungsi:** Untuk mentafsirkan undang-undang.

Hakim-hakim yang dilantik oleh Raja atas nasihat Perdana Menteri. PM menerima cadangan untuk pelantikan daripada JAC.

Pada masa ini (2022), terdapat 13 orang Hakim Mahkamah Persekutuan, 27 orang Hakim Mahkamah Rayuan dan 50 orang Hakim Mahkamah Tinggi.

Ketua Hakim dibayar RM25,000.00 sebulan dan seorang Hakim Mahkamah Tinggi dibayar RM17,754,76 sebulan.

**Sumber:** Perkara 121-131a, Perlembagaan Persekutuan,  
Akta Suruhanjaya Saran Hakim 1971 &  
Akta Pelantikan Kehakiman 2009 & [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my)



**Fungsi: Untuk menjalankan Pilihan Raya ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.**

SPR ialah sebuah institusi yang ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Ahli-ahlinya dilantik oleh Raja selepas berunding dengan Majlis Raja-raja dan terdiri daripada pengurus, timbalan pengurus dan 5 ahli-ahli lain. Dalam perlantikan SPR, hendaklah mengambil kira kepentingan mendapatkan sebuah SPR yang mendapat kepercayaan awam.

Pengerusi SPR dibayar RM12,523,75 sebulan.

**Sumber:** Perkara 113-120, Perlembagaan Persekutuan & Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957.



## PEGUAM NEGARA

**Fungsi:** Untuk menasihati Raja dan Jemaah Menteri mengenai perkara undang-undang dan untuk membuat pendakwaan jenayah.

Peguam Negara dilantik oleh Raja atas nasihat Perdana Menteri.

Sumber: Perkara 121-131a, Perlembagaan Persekutuan,  
Akta Suruhanjaya Saran Hakim 1971 &  
Akta Pelantikan Kehakiman 2009 & [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my)



Badan-badan berkanun ialah badan-badan yang ditubuhkan oleh Parlimen untuk tujuan tertentu, contohnya SUHAKAM untuk mempertahankan dan melindungi hak asasi manusia, Badan Peguam Malaysia untuk mengurus profesion undang-undang dan menegakkan keadilan, SPRM untuk menyiasat dan menguatkuasakan undang-undang anti-rasuah dan JAC untuk membuat cadangan untuk pelantikan dan kenaikan pangkat hakim-hakim.

Malaysia mempunyai tidak kurang daripada 175 badan-badan berkanun.

## Bahan Rujukan Modul 4:

### APAKAH SUMBER-SUMBER KUASA DAN PENGARUH TIDAK RASMI DI NEGARA KITA?

---



Bagaimana media mempengaruhi kita dalam cara kita berfikir dan mengaitkan, membentuk nilai-nilai dan kepercayaan kita? Siapakah yang memiliki media? Parti-parti politik? Siapakah yang memberi atau membatalkan permit untuk media cetak?



*Agama/  
Kepercayaan*




PENDIDIKAN



**PERNIAGAAN**




**BANK**






## Bahan Rujukan Modul 4: #BIGPICTURE




## Bahan Rujukan Modul 4:

### #BIGPICTURE



**Bahan Rujukan Modul 4:**  
**#BIGPICTURE**



## **AKTIVITI**

---

### **Modul 5: #ActionPyramid**

**1 jam**

#### **Mekanisme**

Asingkan peserta-peserta kepada kumpulan #ProblemTree (Modul 3) mereka. Mereka telah melihat #BigPicture tersebut, mereka juga telah menganalisa sebab-sebab dan akibat masalah tersebut. Sekarang ialah masa untuk mengambil tindakan.

Lukiskan satu contoh #ActionPyramid pada kertas mahjong / papan putih/hitam supaya peserta-peserta boleh melihatnya pada setiap masa. #ActionPyramid terdiri daripada beberapa lapisan:

- Sasaran (puncak piramid)
- Objektif / Permintaan / Mesej
- Strategi
- Tindakan
- Taktik (asas piramid)

Para peserta mesti menilai dan bertindak balas dengan mengisikan setiap lapisan #ActionPyramid bermula dari puncak (Sasaran) dan berakhir pada tapaknya (Taktik). Tapaknya membentuk asas kepada Tindakan yang dicadangkan. Tindakan tidak patut diambil tanpa Taktik yang baik.

Gambarkan setiap lapisan #ActionPyramid dalam bentuk soalan. Kemudian jelaskan proses pemikiran di sebalik pembentukan jawapan kepada soalan-soalan tersebut:

Siapakah Sasaran (iaitu pemegang-pemegang kuasa) yang anda akan panggil untuk perubahan tingkah laku? Sasaran ialah orang yang memegang kuasa untuk mengubah/memperbaiki prinsip/dasar/undang-undang.

Apakah Objektif/Permintaan/Mesej yang anda berusaha untuk sampaikan kepada Sasaran? Objektif/Permintaan/Mesej yang lebih

khusus, realistik dan praktikal lebih baik. Untuk tujuan GameShop biasa, hadkan kepada 1 Objektif/Permintaan/Mesej yang perlu ditulis tidak lebih daripada 10-15 patah perkataan.

Apakah Strategi yang akan digunakan untuk menyampaikan Objektif/Permintaan/Mesej? Strategi merupakan penggunaan satu siri/gabungan kaedah-kaedah (berturut-turut atau serentak) untuk mencapai Objektif/Permintaan/Mesej.

Satu kebiasaan yang baik ialah untuk merujuk kepada unsur-unsur konstituen ‘politik gotcha’: tindakan undang-undang, demonstrasi dan pengubalan undang-undang. Sebagai contoh, seseorang boleh membuat keputusan untuk mengajukan isu ini di Mahkamah, dan pada masa yang sama membuat perhimpunan di hadapan balai polis dan melobi Ahli Parlimen untuk membangkitkan isu tersebut di Parlimen atau mencadangkan undang-undang baru untuk membendung keganasan polis. Perlukah kita melakukan ketiga-tiganya? Sudahkah kita cuba untuk menyelesaikan masalah tersebut melalui saluran rasmi?

#ActionPyramid tidak mengecualikan ‘tindakan undang-undang’ dan ‘pengubalan undang-undang’ sebagai sebahagian daripada strategi yang lebih luas. Kedua-dua tindakan ini telah digunakan secara meluas oleh rakyat Malaysia. Tumpuan #ActionPyramid ialah pada NVDA yang lebih memerlukan kepada aliran perancangan utama terutamanya apabila institusi pemegang-pemegang kuasa rasmi telah gagal. Di samping itu, NVDA bertujuan untuk membesarluarkan penyertaan rakyat secara semula jadi, tindakan undang-undang dan pengubalan undang-undang ialah ruang khusus yang tidak semestinya difahami atau diamalkan oleh masyarakat biasa.

Memilih NVDA sebagai sebahagian daripada strategi secara amnya ialah untuk meningkatkan profil perjuangan, menunjukkan kegagalan saluran-saluran rasmi dan institusi awam, menambahkan sokongan orang ramai dan memaksa atau mencetuskan tindak balas daripada pemegang-pemegang kuasa untuk memenuhi Objektif/Permintaan/Mesej anda.

Jika NVDA dipilih sebagai sebahagian daripada strategi, apakah Tindakannya? Rujukan dibuat kepada nota. 198 Kaedah Tindakan Tanpa Kekerasan (Sharp)<sup>15</sup>.

Pergerakan memerlukan beberapa kempen untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Setiap kempen boleh menggunakan lebih daripada 1 tindakan berdasarkan cara kempen itu dijalankan.

Apakah Taktik-taktik untuk menjayakan Tindakan itu secara berkesan? Taktik-taktik merujuk kepada kaedah-kaedah untuk mencapai kejayaan dalam Tindakan yang dipilih. Soalan selanjutnya boleh dipecahkan dengan bertanya bagaimana kita harus membuat tindakan yang boleh dipercayai, berterusan, berkesan dan efektif. Banyak inisiatif gagal pada peringkat ini kerana Taktiknya tidak mempunyai pelaksanaan dan pemantauan padu yang diperlukan. Kerana ia asas kepada apa-apa tindakan dan jika seseorang itu tidak dapat menjalankan Taktik dengan memuaskan, Tindakan tidak patut diambil.

Sebagai contoh, anda memilih untuk membuat video di internet mengenai nasib kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual (#198Actions No. 8 dan 11). Ini sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan kesedaran rakyat dan memujuk pemegang-pemegang kuasa untuk melakukan sesuatu. Anda perlu membuat video yang boleh merebak. Bagaimana anda lakukannya? Itu Taktik anda.

Ataupun, anda memilih untuk menjalankan demonstrasi mengenai pembaharuan pilihan raya (# 198Actions no. 47). Soalan-soalan yang timbul ialah:

- Adakah Tindakan ini dapat dilaksanakan dan praktikal?
- Bolehkah Tindakan tersebut berfungsi?
- Adakah semua orang selesa dengan Tindakan tersebut?
- Apakah risiko yang terlibat dalam Tindakan dan bagaimana anda mengurangkan risiko-risiko tersebut?
- Bagaimana anda membuat Objektif/Permintaan/Mesej yang mudah, langsung, jelas dan menarik kepada orang awam?
- Bagaimana anda menggerakkan rakyat?
- Apakah sumber yang anda perlukan?

- Siapakah sekutu dan lawan anda?
- Bagaimanakah anda mengukuhkan hubungan dengan sekutu anda untuk mereka juga bertindak untuk menyokong?
- Bagaimana anda berhubung dengan lawan anda supaya mereka juga menyokong Tindakan anda?
- Apakah jawapan yang dinanti-nantikan dari lawan anda dan pemegang-pemegang kuasa ini?
- Bagaimana anda berurusan dengan mereka?
- Bagaimana anda berurusan dengan mereka?
- Bagaimana anda menggunakan dan mengendalikan media?
- Apakah langkah-langkah yang anda perlu ambil untuk mencegah keganasan ketika demonstrasi?

